

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"UNDANG-Undang Allah disyariatkan, bukanlah untuk kepentingan-Nya sendiri. Allah sama sekali tidak mempunyai apa-apa hajat, kerana Dia sendiri adalah Maha Sempurna." - Titah Perasmian Majlis Ilmu 2013 Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-67 Tahun.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DIRIWAYATKAN oleh Imam at-Tirmidzi, daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud "Sesungguhnya orang yang tiada apa-apa di dalam dadanya sedikit pun daripada Al-Quran adalah seumpama rumah buruk yang binasa (tidak berhias)."

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 59

18 MEI 2019 / 1440 رمضان 12

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



TERIMA kunjungan perpisahan, hormat

Muka 6



MENTERI Hal Ehwal Ugama adakan Khatam Al-Quran

Muka 7



MAJLIS Kesyukuran sempena sambutan WTISD

Muka 10



HADIRI Persidangan dan Dialog Ketamadunan Asia

Muka 11

# Masjid Ar-Rahim dirasmikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak perasmian pembukaan Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3 dan 4).

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

TUTONG, Jumaat, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

berkenan berangkat ke Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal bagi perasmian masjid diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Ke muka 3

## Jambatan Temburong 'runtuh' tidak benar

Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Perhubungan Awam, Bagi Projek Jambatan Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mei. - Mesej dan foto tular menerusi platform-platform media sosial yang melibatkan dakwaan bahawa sebahagian jambatan yang dibina di bawah projek Jambatan Temburong 'runtuh' pada 15 Mei

2019 adalah tidak benar dan tidak berasas.

Kementerian Pembangunan menjelaskan bahawa Projek Jambatan Temburong menyediakan fasiliti bagi pengguna jalan raya untuk membuat

pusingan 'U', lebih kurang 3.7km dari Jalan Kota Batu.

Jambatan juga direka bentuk untuk memudahkan pembinaan jambatan laluan kedua-dua buah pulau berdekatan, iaitu Pulau Baru Baru dan Pulau Pepatan pada masa akan datang mengikut perkembangan kawasan berkenaan.

Ke muka 9

# Sentiasa konsisten menanam nilai-nilai Islam

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**A**LHAMDULILAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kudrat dan inayah-Nya jua dapatlah kita sama-sama berkumpul di majlis yang penuh dengan rahmat dan berkebakikan ini iaitu Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi. Alhamdulillah, sejak ia diungkayahkan, Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan telah berjaya menarik ramai penyerta belia sama ada daripada peserta qari mahupun qariah dari tahun ke setahun. Sepertimana yang telah dikongsikan oleh Yang Mulia Pengerusi Majlis dalam ucapannya, kita amat bersyukur jumlah peserta pada tahun ini telah meningkat ke-105 orang peserta daripada 86 peserta pada tahun lepas.

Kita amat berbangga dengan belia-belie kita ini kerana mereka benar-benar mencerminkan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sama sekali tidak akan membiarkan setiap generasi yang ada jauh daripada agama tetapi akan terus konsisten menanam nilai-nilai Islam ke dalam kehidupan mereka. Dalam kesempatan ini juga, dirakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah khusus kepada para qari dan qariah yang telah berjaya untuk mara ke peringkat akhir.

Musabaqah ini bermatlamat bukan sahaja untuk bertanding semata-mata, malah ia dilihat sebagai salah satu usaha untuk menyebarkan *wasilah tarbiyah* Islam di kalangan belia-belie. Ia akan menjadi pemangkin bagi menggalakkan belia untuk mendekati diri dengan Al-Quran Al-Karim dan seterusnya memupuk keperibadian dan akhlak Al-Quran dalam diri mereka.

Pada masa yang sama, kita menyedari bahawa dalam zaman yang serba canggih ini, belia kita sering terdedah kepada pelbagai hambatan dan pengaruh yang sebahagiannya baik mahupun sebaliknya. InsyaaAllah, dengan pegangan yang



**MENTERI** Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440H / 2019M pada Khamis, 20 Syaaban 1440H bersamaan 25 April 2019M di Dewan Digadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

kukuh dan penghayatan ilmu Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, belia kita tidak akan mudah terbawa dengan unsur-unsur yang kurang baik.

Oleh yang demikian, program-program pembangunan belia hendaklah sentiasa menitikberatkan keseimbangan antara amalan duniawi dan ukhrawi dalam membentuk belia yang syumul yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malah mempunyai kekuatan iman serta pendirian yang teguh. Sebagai bakal pewaris kepimpinan masa depan, ciri-ciri inilah yang mesti ada dan ditanai oleh belia kita agar mereka mempunyai jati diri yang teguh dengan kepimpinan

yang bijaksana dan sentiasa berwawasan, berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

InsyaaAllah, dengan mempraktikkan pendekatan Keseluruhan Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam usaha pembangunan dan *wasilah tarbiyah* belia dan masyarakat. Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah-titah baginda yang menekankan perlunya belia untuk celik dan berakhlak Al-Quran. Di sinilah kepentingan golongan belia kita untuk mempersiapkan diri dan mendalami ilmu Al-Quran, demi memartabatkan kesucian ugama Islam serta memastikan maruah bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dipertahankan sebagai sebuah Negara Zikir iaitu negara Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur yang berpaksikan kepada ajaran ugama Islam yang suci.

Jadikanlah Al-Quran sebagai pedoman, dan lihatlah kepada tokoh-tokoh belia dalam sejarah Islam khususnya di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai teladan dalam mengharungi kehidupan seharian kita.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi peramba / saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua qari dan qariah dan khususnya bakal-bakal pemenang musabaqah pada malam ini. InsyaaAllah mereka akan mewakili negara kita ke peringkat Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara yang akan diadakan pada penghujung tahun ini. Kita amat mengharapkan bagi para belia untuk meneruskan amalan yang mulia ini bagi memupuk akhlak Al-Quran dalam diri sendiri demi untuk menjamin kebaikan keperibadian ke arah kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Akhirnya, peramba / saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli jawatankuasa, agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama, panel hakim dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam majlis ini. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan balasan yang setimpal dengan usaha keras dan ketulusan biskita yang telah disumbangkan daripada awal hingga akhir majlis ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmartullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang  
Pengarang.

18 MEI 2019 BERSAMAAN 1440 رمضان 12

## AL-QURAN MUKJIZAT TERBESAR

**B**ULAN Ramadan yang mubarak, bulan diturunkan Kitab Suci Al-Quran, di mana di bulan ini kita mengisi dengan ibadat, khususnya dengan amalan membaca Al-Quran. Peristiwa turunnya Al-Quran pada bulan Ramadan adalah antara unsur-unsur yang menjadikan bulan Ramadan mempunyai kelebihan daripada bulan-bulan yang lain. Allah menetapkan demikian supaya manusia sentiasa mengingati betapa pentingnya berpegang teguh dengan ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran, bukan semata-mata membaca dan memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran tetapi terus mengambil inspirasi dari Al-Quran untuk dijadikannya sebagai dasar dan asas panduan dalam menempuh kehidupan.

Untuk mengimarahkan sambutan Nuzul Al-Quran yang akan disambut tidak lama lagi, sama-samalah kita mengembalikan kehebatan Al-Quran dengan terus mengamalkan membaca Al-Quran kerana Al-Quran adalah panduan kepada umat manusia menjalani kehidupan di dunia dan akhirat. Lebih-lebih lagi Nuzul Al-Quran adalah 'sejarah besar' umat Islam yang memang sepatutnya sentiasa diraikan dan diingati. Al-Quran diturunkan kepada seluruh umat manusia sebagai petunjuk, pedoman, penerangan yang menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah dan ia adalah mukjizat terbesar yang mana di dalamnya terdapat banyak pengajaran dan keistimewaan yang tersendiri.

Al-Quran adalah mukjizat yang kekal hingga kiamat kerana terdapat banyak kelebihan di dalamnya. Dari itu Al-Quran bukan untuk dibaca sahaja, tetapi dihayati dan difahami sebagai kitab panduan yang kekal hingga hari kiamat. Dan di bulan Ramadan mubarak inilah bulan yang paling sesuai untuk memperbanyakkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran kerana Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan pahala yang berlipat kali ganda bagi yang membaca dan menghayatinya.

Di negara kita pelajaran agama dan Al-Quran tidak dipandang ringan, tetapi sentiasa unggul dan menyerlah, sesuai dengan tarafnya selaku ugama dan Kalam Allah, kerana selaku umat Islam kita dituntut menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup, kerana denganya kita mampu menangkis segala apa jua cabaran dan dengan Al-Quran sahajalah umat Islam mampu mencapai kejayaan sebagaimana pada zaman keemasannya dahulu.

Negara kita juga adalah bumi Islam tulen yang memang terkenal dan akan terus kekal turun temurun, sehingga ke akhir zaman sebagai bumi Islam yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Al-Quran, sebagaimana juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat berpegang teguh dengannya dan bukan setakat menghafaz dan membacanya sahaja, tetapi juga memahami dan mengamalkan segala isi ajarannya.

Dengan yang demikian adalah menjadi kewajipan kita selaku umat Islam terus berpandukan kepada petunjuk Al-Quran bagi meraih kegemilangan, dengan bangkit selaku generasi pembaca, di samping sekali gus menjadi pengamal ajaran Al-Quran, kerana di sinilah kekuatan Islam. Dan adalah menjadi tanggungjawab setiap kita untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian Al-Quran melalui aktiviti penghafalan atau hafazan ayat-ayat suci Al-Quran.

Dari itu, di bulan yang mulia ini sama-samalah kita meningkatkan keimanan dengan mengikut semua ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran bagi menjamin keselamatan kita di dunia dan lebih-lebih lagi di hari akhirat kelak. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala memberikan taufik dan hidayah kepada kita semua dan negara kita sentiasa dalam peliharaan dan perlindungan-Nya jua. - Ketua Penyuntingan (Zs).

**"KITA amat berbangga dengan belia-belie kita kerana mereka benar-benar mencerminkan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sama sekali tidak akan membiarkan setiap generasi yang ada jauh daripada agama tetapi akan terus konsisten menanam nilai-nilai Islam ke dalam kehidupan mereka."**

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
32 25 °C	32 25 °C	32 26 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
32 24 °C	32 25 °C	32 24 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
33 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab  
Jabatan Kaji-cuaca  
Brunei Darussalam  
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX App  
Google Play | App Store

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi MEI	HARI	Hijrah RAMADAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
18	SABTU	12	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
19	AHAD	13	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
20	ISNIN	14	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41
21	SELASA	15	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	RABU	16	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
23	KHAMIS	17	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
24	JUMAAT	18	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
**123**

NDMC  
**2380214**

# Masjid Ar-Rahim dirasmikan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal (atas). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah kanak-kanak.

bin Pengiran Haji Bahar. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM dijunjung bagi menandatangani plak perasmian pembukaan masjid baharu tersebut diiringi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama. Azan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut dilautkan oleh Imam masjid tersebut, Haji Hasmali bin

Haji Talip. Manakala Khutbah Jumaat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin dan Sembahyang Fardu Jumaat

diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar.

**Ke muka 4**



**KEBAWAH DYMM** bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan paduka-paduka anakanda berkenan bagi bergambar ramai. Manakala gambar bawah, keindahan seni bina Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal.



Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

**Dari muka 1**

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji

Awang Othman; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyertai para jemaah menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar.

Dari muka 3

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili dalam Khutbah Khas menjelaskan masjid merupakan sebaik-baik tempat di muka bumi kerana ia adalah rumah Allah Subhanahu Wata'ala, tempat yang suci, tempat berkumpulnya segala kebaikan, tempat orang-orang Islam beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah.

Selain itu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili menjelaskan masjid juga merupakan syiar Islam lambang keagungan dan tempat perpaduan umat Islam.

"Perkataan masjid itu berasal dari bahasa Arab iaitu sujud yang



bererti merendahkan diri, sesungguhnya apabila seseorang sujud kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka pada waktu itulah ia paling dekat dengan Allah

Subhanahu Wata'ala," jelas Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili lagi.

Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, dibina di atas sebidang tanah yang berkeluasan lima ekar yang mana kerja-kerja pembinaan masjid tersebut

bermula pada bulan Mei 2018.

Masjid tersebut merupakan masjid yang kedua dibina menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dengan anggaran yang berjumlah BND3,000,000 yang mampu menampung lebih kurang 800 hingga 1,000 orang jemaah.

Antara kemudahan yang disediakan di Masjid Ar-Rahim adalah seperti Dewan Sembahyang Utama Lelaki, Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan dan Teknologi Maklumat, Pejabat Pentadbiran, Bilik Tetamu, Pejabat Imam dan Bilal, Tandas dan Tempat Berwuduk Orang Berkeperluan Khas Lelaki dan Perempuan, serta Bilik Pengurusan Jenazah.

**YANG** Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim ketika membacakan doa (kiri). Manakala gambar bawah kiri, para jemaah yang hadir bagi Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal.



**YANG** Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin ketika membacakan Khutbah Jumaat Khas sempena Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal.

# Berangkat sertai Majlis Bertahlil



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, bulan Ramadan yang mubarak  
Rabu, 15 Mei. - Bersempena ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal

Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit,

bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Berkenan berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; dan Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Bacaan Surah Yaa Siin dan tahlil diketuai oleh Ketua Hakim Syar'ie, Mahkamah Syariah, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga hadir pada majlis ini, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB; guru-guru Sekolah YSHHB; juga penduduk-penduduk Rancangan Perumahan YSHHB, Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Ayeng Asah-Asahan ke makam paduka nenda DYT, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Ayeng Asah-Asahan ke makam paduka nenda DYT, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



DYTM berkenan menjirus Ayeng Asah-Asahan ke makam kerabat diraja (kiri sekali dan kiri).

# Terima kunjungan perpisahan, hormat



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan perpisahan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yu Hong.**

## Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan perpisahan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos.

Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan

Majlis-Majlis Mesyuarat (JMM), Jalan Dewan Majlis, di sini.

Pada kunjungan perpisahan tersebut, kedua belah pihak merakamkan rasa penghargaan atas hubungan erat dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Kedua belah pihak juga menyatakan mengenai lawatan kerja pihak Delegasi Parlimen Persekutuan Rusia pada bulan Februari lalu yang diadakan dengan baik dan jayanya.

Kedua belah pihak berharap supaya dapat meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan, pertahanan dan kesihatan, seterusnya berharap agar hubungan di antara kedua-dua buah negara akan terus kekal dan semakin kukuh.

Yang Di-Pertua MMN juga menerima kunjungan hormat secara berasingan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yu Hong.

Antara yang dibincangkan semasa perjumpaan rasmi yang pertama di antara kedua belah pihak itu, termasuklah

membincangkan mengenai hubungan strategik di antara kedua-dua buah negara dalam pembangunan ekonomi negara Brunei Darussalam antaranya dengan peningkatan pelancong dari negara China sebagai pelancong terbesar ke Negara Brunei Darussalam.

Peningkatan ini juga adalah dengan adanya kemudahan penerbangan terus dari beberapa buah wilayah di China seperti Shanghai, Hong Kong dan lain-lain.

Puan Yang Terutama juga berharap perkhidmatan penerbangan boleh diperluaskan terus ke Beijing.

Kedua-dua belah pihak juga berkesempatan menyentuh mengenai perdagangan langsung di antara Brunei dan China yang setakat ini meningkat atas kerjasama dengan sektor-sektor swasta di Negara Brunei Darussalam, seterusnya memperluaskan lagi ekonomi negara ini.

Kedua belah pihak berharap hubungan kerjasama ini akan dapat terus dikembangmajukan.

Juga hadir pada kedua-dua majlis tersebut, Pemangku Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail dan beberapa orang pegawai kanan JMM.

## Tadarus raih kemanfaatan, pahala



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) selaku ketua rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatannya Tahun 1440H / 2019M hadir pada Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Masjid Kampung Sungai Liang.**

Oleh : Noraisah Haji Muhammed  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BELAIT**, Khamis, 26 Mei. - Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) berserta Rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatannya Tahun 1440H / 2019M merupakan salah satu usaha kementerian dalam mendekatkan lagi hubungan silaturahmi antara kementerian bersama kepimpinan akar umbi dan penduduk-penduduk mukim juga Kampung di Daerah Belait.

Sehubungan itu, Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan MPMK berserta Rombongan KHEDN dan Jabatan-jabatannya Tahun 1440H /

2019M diadakan di Masjid Kampung Sungai Liang, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku ketua rombongan KHEDN.

Majlis diselenggarakan dengan Bertahlil dan Doa Arwah, seterusnya diikuti dengan sumbangan wakaf bagi keperluan Masjid Kampung Sungai Liang, disampaikan oleh Yang Berhormat.

Aktiviti seumpama itu juga merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan kementerian

dalam meraih kemanfaatan dan pahala pada bulan Ramadan, di samping memakmurkan masjid-masjid berkenaan bersama penduduk-penduduk kampung di keempat-empat daerah.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Pemangku Pegawai Daerah Belait; ketua-ketua Jabatan di KHEDN; pegawai-pegawai kanan; pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatannya; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung; Ahli-ahli MPMK di Daerah Belait; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan jemaah masjid; juga masyarakat kampung berdekatan.

## Jaquar World Brunei dilancarkan

Berita dan Foto :  
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Mei. - Sebuah balai pameran (*showroom*) yang mempamerkan jenama global Jacquar dan Artize dilancarkan di sebuah kawasan membeli belah di Kiulap yang merupakan perkongsian Jacquar Group dengan Awinco Group of Companies.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran Jacquar World Brunei itu ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Ke muka 12



**MENTERI Pembangunan Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar memotong reben bagi pelancaran balai pameran Jacquar World bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar dan Pengarah dan Promoter Jacquar World Mr. Rajesh Mehra.**

# Menteri Hal Ehwal Ugama adakan Khatam Al-Quran

SUNGAI BESAR, Khamis, 16 Mei. - Tadarus Al-Quran antara ibadah yang seharusnya kita selaku umat Islam laksanakan terutama pada bulan Ramadan yang menjanjikan pahala berlipat ganda.

Amat sesuaiilah pada bulan Al-Quran ini untuk kita berhijrah agar mencintai kitab suci Allah itu sebagai petunjuk kebahagiaan dunia dan akhirat selain As-Sunnah Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di negara kita, Tadarus Al-Quran seakan menjadi suatu tradisi yang dipraktikkan oleh masyarakat Islam lebih-lebih lagi menyemarakkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Inisiatif Tadarus Al-Quran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman diteruskan lagi di kediamannya, di sini.

Nawaitu murni Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengadakan acara berkebiasaan itu setentunya untuk memupuk



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (tiga, kanan) semasa mengadakan Majlis Bertadarus dan Khatam Al-Quran Sempena Bulan Ramadan Tahun 1440H / 2019M di rumah Yang Berhormat di Kampung Sungai Besar.**

minat dalam sama-sama mendampingi kitab Allah terutama kepada para belia bukan sahaja membaca Al-Quran Al-Kareem dengan betul malah menghayati setiap ayat yang dibaca.

Majlis yang diselenggarakan dengan acara Khatam Al-Quran itu

dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab (Surah Al-Fatihah) yang dipimpin sendiri oleh Yang Berhormat yang juga membacakan Doa Tahليل.

Selesai bacaan tadarus, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam dan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

kemudiannya Tahليل yang dikepalai oleh Imam Masjid Hassanul Bolkliah, Kampung Mentiri, Awang Haji Shamsul bin Haji Abdul Latif.

Selepas itu, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan sebelum diteruskan dengan bersungkaik dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar

dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Sad, ayat 29 yang bermaksud: "(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahaminya dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar."

## Ramadan mendidik menjadi keluarga harapan



**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (tiga, kanan) turut hadir pada majlis tersebut.**

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 16 Mei. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menganjurkan program Ihya Ramadan yang merangkumi pelbagai aktiviti sempena bulan suci Ramadan 1440H.

Program Ihya Ramadhan pada tahun ini diserikan dengan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti kempen membersihkan tanah perkuburan, masjid, majlis tahليل di Kubah Makam Diraja, dan juga termasuk kuliah keagamaan selepas menunaikan sembahyang Fardu Zuhur berjemaah.

Kuliah hari ini bertajuk 'Keluargaku Harapanku: Pendidikan Ramadan yang Berkesan' diadakan serentak di setiap surau perkhemahan ABDB.

Selain meraikan bulan suci Ramadan, kuliah agama anjuran Jabatan Agama ABDB tersebut juga menyahut Hari Keluarga Kebangsaan yang diraikan di seluruh negara pada bulan ini.

Di Surau Ad-Dhifa, Bolkliah Garison, Kementerian Pertahanan, kuliah disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Penolong Profesor Dr.

Shahbuddin bin Haji Laming.

Hadir mendengarkan ceramah tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-pengarah Tentera dan Awam; Komandan Pasukan Simpanan Gurkha; Pegawai-pegawai Kanan serta warga Kementerian Pertahanan dan anggota ABDB.

Dalam kuliahnya, Penolong Profesor Dr. Shahbuddin antara lain menyentuh mengenai usaha untuk mencapai keluarga harapan seperti yang dikehendakkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala memerlukan tiga faktor utama iaitu Mawaddah, Sakinah dan Rahmat Allah.

Jelasnya, untuk mencapai keluarga idaman yang diharapkan oleh Allah dan Rasul-Nya tiada yang lain adalah dengan menghampirkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, kita perlu menunaikan kewajipan solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, menunaikan zakat dan mentaati

perintah Ulil Amri.

Beliau turut memetik pepatah Bahasa Arab yang kurang lebih ertinya "Apabila Engkau menggapai harapan di dalam keluarga, maka seorang isteri bersifat Siti Khadijah binti Khuwailid manakala bagi seorang suami ikutilah peribadi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

Pada masa yang sama jelas beliau, pengabdian kita kepada kedua ibu bapa merupakan asas untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



**PENSYARAH Fakulti Usuluddin, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Penolong Profesor Dr. Shahbuddin bin Haji Laming menyampaikan kuliah agama bertajuk 'Keluargaku Harapanku: Pendidikan Ramadan yang Berkesan'.**

## Menggalakkan para mualaf dalam Al-Quran

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mei. - Bagi menanamkan minat membaca Al-Quran kepada para mualaf dan galakan kepada mereka untuk terus sabar dan tekun dalam mempelajari Al-Quran, Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Kelas Bimbingan Mualaf (KBM) Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis bertadarus dan berbuka puasa yang diselenggarakan dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir berjemaah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Ugama Kanan PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Majlis yang berlangsung di Surau PDI, Kampung Pulaie

itu, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan tadarus.

Majlis tersebut merupakan acara tahunan PNI dan KBM yang diungkuhkan bersama oleh Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI.

Acara pada petang itu juga diteruskan dengan penyerahan Buku Sembahyang Tarawih dan Kad Sayyidul Istighfar sempena Bulan Ramadan 1440 yang dikendalikan bersama oleh PDI dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU dengan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Turut hadir ialah pegawai dan kakitangan Bahagian Pengembangan Da'wah dan Urusetia Program Keugamaan Belia, KHEU.



**PEGAWAI Ugama Kanan Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

# Memakmurkan rumah Allah dengan sembahyang berjemaah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (lima, kiri) hadir selaku tetamu khas semasa menunaikan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim, Noraisah Haji Muhammed, Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Mei. - Program Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Setiap Hari Jumaat Di Bulan Ramadan Bagi Tahun 1440 Hijrah yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi hari ini di seluruh Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai ibadat seluruh negara.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, program berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin. Hadir selaku tetamu khas, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Pengarah-pengarah, Pegawai-

pegawai serta kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dukhan beramai-ramai, diikuti dengan Tadabbur surah tersebut yang disampaikan oleh Da'ie Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Sementara itu, di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kampung Jerudong, hadir selaku

**TIMBALAN** Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (tiga, kanan) semasa mendengarkan Taddabur Al-Quran yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Naqib bin Haji Awang di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kampung Jerudong.

tetamu khas ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Sementara Taddabur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Naqib bin Haji Awang. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai serta kakitangan

KHEU.

Manakala di Masjid Kampung Penanjong Tutong, hadir selaku tetamu kehormat pada program berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya.

Di masjid tersebut, inti pati Tadabbur Al-Quran dari ayat dan surah yang sama disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Masri bin Haji Mohammad.



PROGRAM Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Setiap Hari Jumaat Di Bulan Ramadan Bagi Tahun 1440 Hijrah yang diadakan di Masjid Kampung Penanjong Tutong dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong (dua, kanan) selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya.



HADIR selaku tetamu khas, Pegawai Pemerintah Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait Penguasa Kanan Bomba, Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd. Yussof semasa menunaikan sembahyang Fardu Subuh berjemaah di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.

Di Daerah Belait pula, program tersebut berlangsung di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait. Hadir selaku tetamu khas, Pegawai Pemerintah Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait Penguasa Kanan Bomba, Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd. Yussof. Penyampai Tadabbur pada acara tersebut, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Akup bin Haji Lamat.

Bagi Daerah Temburong, program berlangsung di Masjid Kampung Puni. Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pemerintah Daerah Polis Temburong, DSP Pengiran Muhaimin bin Pengiran Haji Mustapha dan Penyampai Tadabbur ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Eldi bin Haji Suhaile.

Antara objektif program tersebut meraih kelebihan beribadah di Bulan Ramadan, memakmurkan rumah Allah dengan sembahyang berjemaah pada waktu subuh, menghidupkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang tuntutan sembahyang berjemaah serta kelebihan yang diperoleh, memupuk perpaduan, persaudaraan sesama umat Islam dan melahirkan masyarakat yang murni dan berbudi pekerti yang mulia.

Program Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Setiap Jumaat Di Bulan Ramadan Tahun 1440H akan diteruskan lagi pada 24 dan 31 Mei depan di seluruh Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai ibadat seluruh negara.



# PERWIRA bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Mei. - Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) juga tidak ketinggalan menyemarakkan Ramadan dengan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Aktiviti keagamaan tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir ialah Penasihat PERWIRA, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud; Yang Di-Pertua PERWIRA, Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Shari bin Ahmad serta para mantan Pemerintah dan Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Ahli-ahli PERWIRA.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Ugama Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Haji Zaini bin Haji Muhammad.



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

# JPM bertadurus di Masjid Ash-Shaliheen



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (dua, kiri) dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin (dua, kanan) turut hadir menyemarakkan majlis tersebut.

Berita dan Foto: Haji Ariffin  
Mohamad Noor / Morshidi

**BERAKAS,** Khamis, 16 Mei. - Majlis Bertadurus Al-Quran yang merupakan amalan terbaik dalam mengisi masa dalam bulan suci Ramadan terus diadakan di masjid-masjid, surau, balai ibadat dan di rumah orang perseorangan.

Majlis tadarus anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di bawahnya turut diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Hadir bersama-sama menyemarakkan majlis tersebut ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap di

JPM; Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis kelolaan bersama Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam, JPM; Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; Jabatan Perkhidmatan

Awam; Jabatan Perkhidmatan Pengurusan; dan Institut Perkhidmatan Awam dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri di JPM, diikuti dengan tadarus Al-Quran, Tahlil dan Doa Arwah serta bacaan Doa Selamat.

Majlis diakhiri dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



PEMBACAAN secara bergilir-gilir oleh para pegawai dan kakitangan JPM dan Jabatan dibawahnya

## Jambatan Temburong 'runtuh' tidak benar

Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Perhubungan Awam, Bagi Projek Jambatan Temburong

Dari muka 1

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk tidak mempercayai sebarang maklumat tidak disahkan yang disebarkan menerusi aplikasi-aplikasi media sosial.

Kementerian Pembangunan juga mengingatkan orang ramai bahawa menyebarkan maklumat palsu dan tidak berasas kepada orang ramai adalah satu kesalahan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148, Seksyen 34 yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda BND3,000 jika didapati bersalah.



MESEJ dan foto tular menerusi platform-platform media sosial yang melibatkan dakwaan bahawa sebahagian jambatan yang dibina di bawah projek Jambatan Temburong 'runtuh' pada 15 Mei 2019 adalah tidak benar dan tidak berasas.

# Majlis Kesyukuran sempena sambutan WTISD

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman

**BERAKAS**, Jumaat, 17 Mei. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) 2019 di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Pengerusi AITI; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Muhammad Nazri bin Haji Muhammad Yusuf; Pegawai Eksekutif AITI, Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji

Abdul Razak dan ahli-ahli pihak AITI.

Majlis juga dihadiri Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan wakil-wakil penyedia perkhidmatan telekomunikasi, InfoCom Federation Brunei (IFB) dan syarikat-syarikat ICT.

Majlis terdahulunya dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah yang diimamkan oleh Haji Abdul Malik bin Haji Jumat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Kesyukuran.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 25 orang anak-anak yatim dari sekitar kawasan Kampung Perpindahan Lambak Kanan Kawasan I yang disempurnakan oleh Yang Berhormat.

Derma yang disampaikan adalah sumbangan daripada ahli-ahli, Pegawai-pegawai dan kakitangan AITI.

Turut menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim tersebut, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DST, Radin Suffri bin Radin Basiuni; dan Pengurus Perhubungan Kerajaan PCSB, Dayang Hajah Normah binti Ahmad.

Sambutan Majlis Doa Kesyukuran WTISD 2019 diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa perkakas



**MENTERI** Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (dua, kanan) semasa bersama jemaah-jemaah yang lain menunaikan sembahyang Sunat Hajat berjemaah.

keperluan bagi Masjid Perpindahan Lambak Kanan yang juga disempurnakan oleh Yang Berhormat kepada Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Turut sama menyerahkan sumbangan wakaf ialah Presiden IFB, Sheikh Haji Abas bin Sheikh Haji Mohammad; dan Pengurus Perhubungan Kerajaan PCSB, Dayang Hajah Normah binti Ahmad, kepada Imam Masjid berkenaan.

WTISD 2019 disambut setiap tahun pada 17 Mei bagi menandakan penubuhan International Telecommunications Union (ITU) pada tahun 1865 bersempena dengan International

Telegraph Convention pertama yang ditandatangani di Paris.

WTISD bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penggunaan Internet dan ICT kepada masyarakat dan ekonomi, serta cara untuk merapatkan jurang digital atau Digital Divide.

Tahun ini menandakan ulang tahun yang ke-50 WTISD sejak sambutan pertamanya pada tahun 1969 yang bertepatan 'Bridging the Standardization Gap', yang telah dipilih untuk menegenakkan jurang dalam piawaian ICT di antara negara-negara yang sedang membangun dan yang sudah maju.



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyampaikan sumbangan derma kepada 25 orang anak-anak yatim dari sekitar kawasan Kampung Perpindahan Lambak Kanan Kawasan I.

## ASEMME7 terokai peluang pendidikan



**MENTERI** Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman berserta delegasi Kementerian Pendidikan ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan Asia-Eropah Kali Ke-7 (ASEMME7) di Bucharest, Romania.

**ROMANIA**, Khamis, 16 Mei. - Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan Asia-Eropah Kali Ke-7 (ASEMME7) diadakan di Bucharest, Romania pada 15 - 16 Mei 2019.

Mesyuarat dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dan Menteri-menteri dari negara-negara Ahli ASEM.

ASEMME merupakan mesyuarat yang diadakan setiap dua tahun bagi Menteri-menteri Pendidikan dari negara-negara Ahli ASEM untuk berhubung mengenai isu-isu terkini dalam bidang pendidikan dan mengesahkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Proses

Pendidikan ASEM.

Mesyuarat pada kali ini bertepatan Penyambutan Pendidikan : Inklusif, Mobiliti dan Kecemerlangan dalam Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Connecting Education : Inclusion, Mobility and Excellence in Support of the Sustainable Development Goals).

Mesyuarat kali ini dihasrat untuk meneroka dan mewujudkan peluang untuk menghubungkan pendidikan yang lebih baik dan menghasilkan cara yang inklusif juga mencukupi bagi mobiliti pelajar, guru, akademik, penyelidik dan kakitangan sambil menyumbang kepada Agenda Pembangunan Mampan.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Pendidikan

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Menteri Pendidikan Nasional, Romania, Puan Yang Terutama Mrs. Ecaterina Andronesc, antara lain menekankan mengenai pentingnya *people-to-people connectivity* di antara rantau Asia dan Eropah juga 2030 Agenda for Sustainable Development.

Mesyuarat selama dua hari itu dimulakan dengan Sesi Plenary pertama bertajuk Mobiliti untuk Semua : Mobiliti Seimbang dan Inklusif dalam Era Digital (Mobility for Everyone : Balanced and Inclusive Mobility in the Digital Era), diikuti dengan Sesi Plenary kedua, iaitu Ke Arah Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan : Bagaimana Proses Pendidikan ASEM Boleh Menyumbang? (Towards the Agenda 2030 for Sustainable Development : How can the ASEM Education Process Contribute?).

Mesyuarat diakhiri dengan Pengesahan Kesimpulan daripada Pengerusi ASEMME7 dan Pernyataan Menteri Bucharest.

Juga hadir semasa mesyuarat berkenaan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Haji Azman bin Ahmad bersama beberapa pegawai kanan daripada Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

## 47 pelajar terima Tawaran Pekerjaan Bersyarat

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Seramai 47 pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Mekanikal 'Industrial Skills Qualifications' (ISQ) kohort ketujuh berjaya memperoleh Tawaran Pekerjaan Bersyarat (Conditional Offer of Employment - COE) daripada beberapa buah syarikat.

Para pelajar yang menerima tawaran itu adalah mereka yang mengikuti Program 'ISQ in Rigger' dan 'ISQ in Welder'.

Sehubungan itu, majlis penyerahan COE diadakan di Dewan Kuliah, IBTE Kampus Mekanikal, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan Penyerahan COE kepada wakil-wakil pelajar, Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Zamri bin Haji Sabli.

Majlis Penyerahan COE merupakan salah satu acara 'Market Day' anjuran IBTE Kampus Mekanikal dan Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) bagi para pelajar ISQ kohort ketujuh yang diadakan selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Mei lalu.

Acara tersebut melibatkan lima buah syarikat terdiri daripada Adinin Works and Engineering Sendirian Berhad; Megalift Sendirian Berhad; MOC Sendirian Berhad; AlanDick and Company (B) Sendirian Berhad; dan QTechline Services.

Pada acara berkenaan, syarikat-syarikat tersebut menerangkan peluang pekerjaan dan tangga kerjaya yang ditawarkan kepada pelajar, di mana para pelajar kemudian menyerahkan borang permohonan dan Curriculum Vitae kepada syarikat yang mereka pilih.

Para pelajar yang menerima COE tersebut merupakan pelajar yang dipilih selepas ditemu duga oleh syarikat-syarikat terlibat.



**PENYERAHAN** Tawaran Pekerjaan Bersyarat (Conditional Offer of Employment - COE) kepada wakil pelajar yang menerima COE di QTechline Services, Awangku Muhd. Habibi bin Pengiran Haji Amir Muhd. Jaffri bersama Pengurus Sumber Manusia QTechline, Dylan Ting.

# NBD sokong pelaksanaan rangkaian 5G

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Negara-negara ahli Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) pada 17 Mei setiap tahun dan pada tahun ini menandakan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat yang ke-50.

Dalam perutusan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menjelaskan mengenai tema pada tahun ini adalah 'Merapatkan Jurang Penyeragaman' atau 'Bridging the Standardisation Gap' yang telahpun dipilih untuk menonjolkan jurang-jurang dalam piawaian ICT.

Pemilihan tema tersebut sememangnya bersesuaian dan bertepatan dengan masanya, terutama sekali dengan kemunculan teknologi-teknologi baharu masa kini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, ITU berhasrat untuk memudah cara penyertaan berkesan dalam kalangan negara-negara membangun dalam proses penyediaan piawaian-piawaian ITU, untuk menyebarkan maklumat mengenai piawaian-piawaian yang sedia ada dan juga untuk membantu negara-negara membangun dalam pelaksanaan piawaian-piawaian tersebut.

Kesemua negara perlu berupaya untuk menentukan piawaian yang bersesuaian kepada keperluan pembangunan masing-masing, terutama sekali bagi kemajuan ekonomi dan inovasi teknologi.

Jelasnya, penyeragaman piawaian membolehkan sistem-sistem atau peralatan berlainan untuk berinteroperasi atau berhubung antara sesamanya. Maka ia merupakan antara komponen asas untuk menyediakan perkhidmatan ICT sedunia yang *accessible* pada harga berpatutan dengan teknologi terkini. Piawaian juga memberikan pengguna pilihan meluas mengenai spesifikasi dan produk-produk ICT. Ia juga membolehkan industri untuk lebih berdaya saing dalam pasaran, di samping membantu meningkatkan fungsi kerajaan melalui pemudahcaraan kerjasama agensi-agensi berkaitan dan pertukaran maklumat secara konsisten. Misalnya semasa kejadian bencana, adalah penting bagi agensi-agensi kerajaan, para penyelamat, para doktor dan pihak-pihak berkenaan yang lain untuk dapat berhubung menggunakan teknologi yang berinteroperasi.

Tegasnya, dengan penekanan yang semakin meningkat ke arah 'Smart Nation', Negara Brunei Darussalam perlu menyediakan diri dalam kemunculan Revolusi Industri Ke-4 (4th IR), termasuk

bagi teknologi 5G.

5G membolehkan pengumpulan data yang segera daripada mesin dan peralatan berlainan dengan lebih berkesan, yang juga mempunyai kapasiti bagi menangani pelbagai aplikasi permintaan tinggi sekali gus seperti *autonomous vehicles*, *Internet of Things (IoT)* dan pelbagai rangkaian sensor seluruh negara.

Walau bagaimanapun, katanya, tanpa piawaian, sensor dan peralatan ini mungkin tidak akan berupaya untuk berinteroperasi dengan sebaiknya, dan akan menjejaskan pelaksanaan strategi-strategi dan program-program ke arah merealisasikan ekonomi digital dan Smart Nation.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam kini mempunyai konektiviti tinggi dalam sektor ICT dengan penembusan jalur lebar mudah alih di kalangan penduduk telah pun mencapai 130 bagi setiap 100 penduduk pada tahun 2018.

Data tersebut jelas Yang Berhormat mencerminkan penggunaan jalur lebar mudah alih yang tinggi oleh penduduk negara ini. Ia juga bermakna adanya kesediaan yang tinggi di kalangan pengguna di Negara Brunei Darussalam untuk menerima dan mengguna pakai perkhidmatan dan teknologi baharu.

"Ini merupakan satu trend yang menggalakkan dan selaras dengan dasar penstrukturan semula industri ICT yang berjalan pada masa ini. InsyaaAllah, para pengguna di Negara Brunei Darussalam boleh menjangkakan akses yang lebih meluas kepada berbagai perkhidmatan ICT dengan kelajuan yang lebih tinggi dan harga yang lebih berdaya saing. Dengan trend terkini ini serta kemunculan teknologi 5G, adalah sangat penting bagi Negara Brunei Darussalam untuk terus membangun rangka kerja piawaiannya yang pada masa ini masih dalam peringkat awal penyediaannya," ujar Yang Berhormat.

Untuk membangun keupayaan piawaian optima dan merapatkan jurang penyeragaman bagi Negara Brunei Darussalam, tegas Yang Berhormat, adalah sangat penting bagi industri di seluruh negara untuk mengakui piawaian ICT sebagai rujukan utama dalam menerima pakai dan mengimpot peralatan dan teknologi terkini.

Dalam pada itu, satu rangka kerja penyeragaman kebangsaan bagi peralatan dan teknologi ICT memainkan peranan utama dalam transformasi digital ekonomi dan masyarakat umum Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) Negara Brunei Darussalam melalui AITI telah pun melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah menjana pemahaman yang lebih mendalam antara pihak-pihak yang berkepentingan mengenai

piawaian dan teknologi-teknologi baharu yang muncul. Ini termasuk kolaborasi bersama ITU dalam penyediaan 'Brunei Darussalam 5G Market Readiness Report 2018'.

Laporan tersebut telah pun menilai kesediaan Negara Brunei Darussalam untuk menyokong pelaksanaan rangkaian 5G akan datang berasaskan kepada tanda aras antarabangsa dan input daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dalam sektor ICT.

## Siaran Akhbar: Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

"Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kita telahpun melihat inisiatif-inisiatif berkolaborasi yang berterusan di antara Negara Brunei Darussalam, melalui MTIC dan AITI, bersama dengan ITU yang bertujuan untuk membekalkan industri dan pihak-pihak berkepentingan dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kemunculan teknologi-teknologi baharu. Hasil

atau *deliverable* signifikan daripada inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja dalam bentuk pengetahuan yang diperoleh daripada pakar-pakar tetapi juga dalam bentuk pembentukan satu pendekatan yang lebih selaras dan holistik merentasi pelbagai sektor ekonomi dalam usaha sama mencapai objektif-objektif Wawasan Brunei 2035," jelas Yang Berhormat lagi.

## Hadiri Persidangan dan Dialog Ketamadunan Asia



**MENTERI** Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tiga, kiri) dan rombongan semasa sesi bergambar ramai bersama Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Mr. Luo Shugang (tiga, kanan) pada Persidangan dan Dialog Ketamadunan Asia di Beijing, Republik Rakyat China.

**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA,** Khamis, 16 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan rombongan telah menghadiri Persidangan dan Dialog Ketamadunan Asia di Beijing, Republik Rakyat China pada Rabu, 15 Mei 2019.

Perasmian Persidangan dan Dialog Ketamadunan Asia tersebut telah disempurnakan oleh

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan merupakan inisiatif kerajaan Republik Rakyat China dalam mempamerkan keindahan ketamadunan Asia, mempromosi pertukaran bersama serta membina sebuah komuniti yang mempunyai kebersamaan masa depan.

Semasa Persidangan tersebut,

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berserta rombongan turut mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Mr Luo Shugang bagi membincangkan perkara-perkara berkepentingan di antara kedua-dua Kementerian.

**"5G membolehkan pengumpulan data yang segera daripada mesin dan peralatan berlainan dengan lebih berkesan, yang juga mempunyai kapasiti bagi menangani pelbagai aplikasi permintaan tinggi sekali gus seperti autonomous vehicles, 'Internet of Things (IoT)' dan pelbagai rangkaian sensor seluruh negara."**

# BYLC 6 hingga 8 Ogos



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (Brunei Young Leaders Convention - BYLC) 2019 dijadualkan berlangsung selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Ogos 2019 nanti.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang juga selaku

**SIDANG Media mengenai Konvensyen Pemimpin Muda Brunei 2019 (BYLC 2019) dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (dua, kiri) yang juga selaku Pengerusi BYLC 2019 di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia.**



SEBAHAGIAN media tempatan yang hadir pada Sidang Media BYLC 2019.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad

Pengerusi BYLC 2019 semasa Sidang Media mengenai konvensyen tersebut di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, di sini.

Menurut Yang Berhormat, BYLC 2019 dihasrat untuk menyatupadukan agensi-agensi yang berkepentingan dengan para belia di negara ini, di samping untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang tepat dan terkini.

Tambahnya, konvensyen tersebut juga menyediakan platform untuk mengemukakan program-program dan projek-projek yang akan dapat membantu mencapai Wawasan Brunei 2035.

BYLC 2019 jelasnya, merupakan anjuran tiga gabungan usahawan muda tempatan, iaitu Perspective Insan Academy, Al-Huffaz Management dan Generasi Bekarib, akan mendatangkan beberapa pakar dari pelbagai bidang terdiri daripada para belia tempatan bagi mengongsikan pengalaman-pengalaman dan memberi tunjuk ajar sepanjang BYLC 2019 diadakan.

Konvensyen tersebut merupakan sebuah platform untuk sama-sama memobilisasikan para belia supaya mempunyai perasaan kebersamaan dan kepunyaan juga memainkan peranan aktif dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti kehidupan rakyat yang tinggi; dan ekonomi dinamik dan berdaya tahan.

Seperti tahun sebelumnya, konvensyen kali ini membawakan moto B.E.L.I.A, iaitu Believe yang bererti percaya akan kemampuan

belia dalam mencapai Wawasan Negara 2035; Empower, iaitu menyokong, membimbing dan menasihati; Lead, iaitu memimpin belia untuk membuat perubahan positif dalam mencapai sasaran; Inspire bererti dorongan mentor dari segi pengalaman dan penglibatan untuk kedayatahan kepimpinan; dan Act, iaitu tindakan yang perlu diambil oleh para belia untuk mengemukakan program dan projek selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Seramai 200 orang pemimpin muda yang terdiri daripada belia majlis perwakilan pelajar, penuntut cemerlang, pertubuhan bukan kerajaan, graduan dan pencari pekerjaan, eksekutif muda juga belia cemerlang dalam bidang masing-masing dijangka hadir semasa konvensyen itu nanti.

Sepanjang konvensyen tersebut, para pemimpin belia yang hadir akan berpeluang untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Wawasan Brunei 2035, membina rangkaian kerja dan berinteraksi bersama mentor terpilih melalui forum yang membawakan topik berkaitan dengan Wawasan Brunei 2035 juga menimba ilmu mengenai pelaksanaan projek.

Pendaftaran bagi menyertai konvensyen tersebut akan dibuka mulai 16 Mei hingga 13 Julai 2019 melalui laman sesawang [www.bylconvention.com](http://www.bylconvention.com) dan untuk maklumat lanjut bolehlah melayari laman sesawang tersebut atau melalui laman sosial Instagram / Facebook / Twitter : @bylconvention.

## Berhemahlah gunakan wang agihan zakat



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim menyampaikan Agihan Zakat Wang Tunai kepada penerima.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

LUMAPAS, Rabu, 15 Mei. - Sejumlah BND19,820.00 diserahkan kepada sebanyak 47 keluarga terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin di negara

ini. Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai kepada Asnaf Fakir Miskin menjelang Hari Raya Tahun 1440/

2019M diadakan di Masjid Kampung Lumapas dan disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim selaku Ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat (MUIB).

Pada tahun ini, sebanyak BND1,333,570.00 diperuntukkan

## Jaquar World Brunei dilancarkan

Dari muka 6

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Sejurus selepas pelancaran, tetamu kehormat dibawa menyaksikan pameran peralatan ruang mandi sambil diberikan penerangan oleh Pengarah dan Promoter Jaquar Group, Mr. Rajesh Mehra.

Showroom Jaquar World mempunyai *human-centred design* untuk mewujudkan kejayaan selesa bagi melayari produk dan penyediaan ruang mandi impian yang lengkap dengan kualiti produk dan perkhidmatan yang tinggi kepada para pelanggan, di samping mempamerkan koleksi dari pereka-pereka terkemuka Jaquar Group, seperti koleksi kepala paip (*faucet*) Tiaara, Tailwater dan Linea; koleksi pancuran mandian atas (*overhead showers*) Rainjoy dan juga sistem pencampuran air pintar, Artize Showertronic.

kepada 8,435 orang penerima terdiri daripada asnaf fakir dan miskin di seluruh negara, yang mana peruntukkan ini diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir dan Miskin melalui kutipan Zakat Fitrah dan Zakat Harta Tahun 1439H / 2018M.

Hanya sebahagian daripada jumlah 8,435 orang yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin seluruh negara akan menerima agihan di masjid-masjid, manakala sebahagian yang lain akan

menerimanya melalui akaun bank masing-masing.

Adalah diharapkan dengan adanya agihan zakat itu akan dapat meringankan beban asnaf fakir dan miskin juga dapat menampung perbelanjaan menjelang Hari Raya yang bakal tiba, di samping sentiasa berhemat cermat dalam berbelanja.

Semoga para asnaf fakir miskin sekeluarga akan sentiasa taat menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

# Khatam KHEU semarakkan Ramadan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mei.** - Sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, acara keagamaan di Negara Brunei Darussalam sedang giat dijalankan bagi menyemarakkan lagi suasana di bulan yang penuh keberkatan ini.

Ramai pihak berlumba-lumba meningkatkan amalan bagi meraih pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu

Wata'ala, tidak kira daripada pihak individu, keluarga mahu pun jabatan-jabatan atau pihak syarikat swasta.

Antara aktiviti yang sering diadakan bagi menyemarakkan bulan Ramadan ialah bertadarus Al-Quran.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Pegawai-

Pegawai dan Kakitangan Wanita di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Pegawai Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli dan bacaan Takhtim



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



PARA peserta yang menyertai majlis Khatam Al-Quran tersebut.

Al-Quran secara beramai-ramai dan disusuli Doa Khatam Al-Quran serta Dikir Marhaban.

Sementara itu, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Aktiviti tahunan kementerian tersebut adalah sebagai salah satu

syiar untuk memakmurkan masjid-masjid di negara ini dan meningkatkan amal ibadat serta merebut ganjaran yang besar di bulan Ramadan melalui amalan Tadarus Al-Quran.

Di samping itu, ia juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan wanita KHEU dengan ahli qariah masjid khususnya muslimah masjid.

## Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM bertahlil



PENGARAH Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Wardi bin Haji Abdul Latip (lima, kiri) mengetuai rombongan pegawai dan kakitangan Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja.

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mei.** - Bersempena dengan bulan Ramadan yang mubarak ini, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja.

Majlis tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Imam Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Haji Muslim bin Haji

Abdul Razak.

Lebih 100 orang pegawai dan kakitangan Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM hadir dan mengetuai rombongan ialah Pengarah Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Wardi bin Haji Abdul Latip.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien lindung pada 3 Muharam 1407 Hijrah bersamaan dengan 7 September 1986 Masihi dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit lindung pada 20 Syawal 1399 Hijrah bersamaan dengan 13 September 1979 Masihi.

## Raikan peserta tadarus dengan Khatam Al-Quran

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohidin

**SERUSOP, Khamis, 16 Mei.** - Seramai 12 pensyarah dan kakitangan bersama 181 pelajar Kolej Cosmopolitan menyertai Majlis Khatam Al-Quran 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid Mohammad Bolkiah, Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Pengerusi Majlis, Awang Md. Akhimullah bin Haji Juffle, diikuti dengan bacaan Al-Quran dari Surah Adh-Dhuha, diketuai oleh Awangku Md. Hisyamuddin bin Pengiran Zulaini.

Setelah itu majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim

beramai-ramai, disudahi dengan Doa Khatam oleh Awangku Md. Hisyamuddin.

Majlis diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban sebelum penyampaian sijil kepada para peserta khatam.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Md. Akhimullah bin Haji Juffle.

Majlis Khatam berkenaan merupakan Program Tadarus Al-Quran, bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan yang mendalam terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan mengangkat Al-Quran ke tahap tertinggi dan dijadikan petunjuk utama dalam melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.



KETUA Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang diadakan di Masjid Mohammad Bolkiah.



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 7(A)

#### BILANGAN IKLAN 35/05/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 18 MEI 2019

TARIKH TUTUP: 01 JUN 2019

<p><b>1. AHLI KIMIA UBAT</b> M.13-14 EB.15 BAHAGIAN II KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = DUA (02)</p>	<p><b>2. PEGAWAI PODIATRY</b> M.13-14 EB.15 BAHAGIAN II KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p><b>3. PEGAWAI PELAJARAN KESIHATAN</b> B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>
<p><b>4. JURUPULIH PERTUTURAN (SPEECH THERAPIST / PATHOLOGIST)</b> B.2 EB.3 BAHAGIAN II UNIT PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p><b>5. PEGAWAI PELAJARAN</b> G.13 BAHAGIAN II BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = DUA (02)</p>	<p><b>6. MERINYU BANDARAN</b> D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI KEKOSONGAN = SATU (01)</p>
<p><b>7. POSMEN</b> F.2-3-4-5 EB.6 BAHAGIAN V JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI KEKOSONGAN = SEPULUH (10)</p>		

#### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)



## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

CALON-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

### PEMBERITA SAMBILAN DAERAH TEMBURONG (BND60 setiap satu berita dan minima 10 keping gambar)

#### 1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MINIMUM :

A. i. BDTVEC / BTEC National Diploma (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

#### ATAU

ii. BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau empat (4) Kejujangan / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang penulisan atau pemberitaan tidak kurang daripada lima (5) tahun.

B. Lulus ujian bertulis dan ujian praktikal fotografi yang akan dikendalikan oleh Bahagian Pelita Brunei dan Unit Fotografi, Jabatan Penerangan.

C. Mempunyai kemahiran berikut adalah satu kelebihan :

Boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Boleh menggambar dan mempunyai peralatan kamera.

Mempunyai sijil dalam bidang kewartawanan merupakan satu kelebihan.

#### 2. SYARAT-SYARAT AM :

A. Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bermastautin di Daerah Temburong.

B. Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi, dan politik Negara Brunei Darussalam.

C. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau semasa cuti awam.

D. Mempunyai lesen memandu yang sah.

#### 3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBERITA SAMBILAN :

A. Menulis berita dan menggambar aktiviti-aktiviti di Daerah Temburong untuk akhbar Pelita Brunei.

B. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa ketika diperlukan.

#### 4. TATACARA PERMOHONAN :

A. Permohonan hendaklah lengkap dengan sijil-sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang relevan.

B. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**KETUA SEKSYEN BERITA  
BAHAGIAN PELITA BRUNEI  
JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS, BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Peringatan :** Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.

**Tarikh tutup permohonan dilanjutkan hingga :  
Sabtu, 25 Mei 2019.**



## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### KENYATAAN TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran serta tarikh tutup tawaran dan tidak menunjukkan identiti pengirim.

3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.

4. Bayaran menyertai tawaran ini ialah BND12.00 bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada pender-pender. Bayaran boleh dibayar di :

**Kaunter Bahagian Kewangan  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Tingkat 3, Bangunan Bandaran  
Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan, BA1512  
Negara Brunei Darussalam**

5. Dokumen sebut harga bolehlah didapati dari **Bahagian Perekonomian, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri** semasa waktu pejabat dibuka bermula **Khamis, 9 Mei 2019**.

Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Bangunan Bandaran Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BA1512, Negara Brunei Darussalam dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA MENELITI  
TAWARAN DAN SEBUT HARGA  
JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NAMA TAWARAN :  
TAWARAN PENGURUSAN DAN  
PENGENDALIAN GERAI RIA SEMPENA  
SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-73 HARI  
KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1440H / 2019M**

**BILANGAN TAWARAN :  
JBBSB / SH / 2019-2020 / 10 / UAK**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :  
KHAMIS, 30 MEI 2019  
JAM : 12.00 TENGAH HARI**

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tender yang disebutkan tidak akan dilayan.

7. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.



## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI


### JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

### JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, NEW YORK

**Jawatan :  
Chief Executive, Pension Benefits Administrator  
United Nations Joint Staff Pension Fund**

**TARIKH TUTUP : 24 Mei 2019**

UNTUK makluman, semua pencalonan atau pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon melalui : <https://careers.un.org>



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI  
TAWARAN**

**Kelas V atau VI sahaja,  
Kategori E02 dan E03**

**BILANGAN TAWARAN :  
JPE / LTK / PSP / 015 / 2019**

**TAJUK :  
PENGUKUHAN RANGKAIAN SISTEM  
11KV / 415V BAGI KAWASAN JALAN  
PASAR GADONG DAN SEKITARNYA**


**HARGA DOKUMEN :  
BND1,000.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :  
11 Jun 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)**

**KELAYAKAN :**

**TEMPAT TUTUP :  
'TENDER BOX'  
PENGURUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN TENAGA  
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN,  
KOMPLEKS BANGUNAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI  
TAWARAN**

**Kelas II atau ke atas,  
Kategori P01 atau P05**

**BILANGAN TAWARAN :  
JPE / LTK / JAN / 012 / 2019**

**TAJUK :  
SUPPLY AND DELIVERY OF  
CHARGE AIR RADIATOR CORE  
ASSEMBLY C/W HEADER TANKS  
FOR BELINGIUS POWER STATION,  
TEMBURONG**


**YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :  
11 Jun 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)**

**KELAYAKAN :**

**TEMPAT TUTUP :  
'TENDER BOX'  
PENGURUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN TENAGA  
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN,  
KOMPLEKS BANGUNAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :  
RTB / K / 21 / 19 - 20  
SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, CONFIGURATION  
AND COMMISSIONING NEW AUDIO  
DIGITAL MIXER FOR PILIHAN  
'ON-AIR' STUDIO**


**Bayaran Tawaran :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :  
Rabu, 29 Mei 2019,  
jam 12.00 Tengah Hari.**

**Kepada :  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Jalan Stoney  
Bandar Seri Begawan, BB8610  
Negara Brunei Darussalam.  
Rujukan :  
RTB / K / 21 / 19 - 20  
Tarikh Tutup :  
29 Mei 2019 (12 PM)**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke [sebutharga.rtb@rtb.gov.bn](mailto:sebutharga.rtb@rtb.gov.bn) tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

1. DOKUMEN-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.
2. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.
3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :
4. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 29 Mei 2019, jam 12.00 Tengah Hari.**
5. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.
7. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).



**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :  
RTB / K / 22 / 19 - 20  
SUPPLY, DELIVERY POWER-AMP  
AND MONITOR SPEAKERS FOR  
RADIO OB / PA UNIT**


**Bayaran Tawaran :  
BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :  
Rabu, 29 Mei 2019,  
jam 12.00 Tengah Hari.**

**Kepada :  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Jalan Stoney  
Bandar Seri Begawan, BB8610  
Negara Brunei Darussalam.  
Rujukan :  
RTB / K / 22 / 19 - 20  
Tarikh Tutup :  
29 Mei 2019 (12 PM)**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke [sebutharga.rtb@rtb.gov.bn](mailto:sebutharga.rtb@rtb.gov.bn) tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

1. DOKUMEN-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.
2. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.
3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :
4. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 29 Mei 2019, jam 12.00 Tengah Hari.**
5. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.
7. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).



**JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**

**Bilangan Sebut Harga :  
JPKK / JKSH1920 - QTN.06 / LPT**

**Tajuk Sebut Harga :  
REFURBISHMENT WORKS AT LEMBAGA  
PEMERIKSA TETAP's OFFICE**

**Tarikh tutup / jam :  
8 Jun 2019  
Sabtu, jam 9.00 Pagi**

**Tempat Menghantar Tawaran :  
Peti Sebut Harga  
Jabatan Perbendaharaan  
Tingkat 2, Tower Block  
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive  
Jalan Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat penyertaan :**

1. PEMOHON adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam dan boleh diperoleh di Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pada jam **8.15 Pagi hingga 1.00 Petang** (waktu bekerja).
3. Borang Pengakuan Penender hendaklah **diisikan dengan lengkap** dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang bekerja di syarikat yang mengikuti tawaran.
4. Borang tawaran hendaklah **disertakan** salinan sijil pendaftaran, Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang

menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau pasport pemilik.

5. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **tajuk & bilangan tawaran** dan **tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah **dikembalikan** dan **dimasukkan** ke dalam PETI TAWARAN SEBUT HARGA, JABATAN PERBENDAHARAAN yang ditujukan kepada :

**PENGURUSI  
JAWATANKUASA SEBUT HARGA  
JABATAN PERBENDAHARAAN  
TINGKAT 2  
TOWER BLOCK BANGUNAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
COMMONWEALTH DRIVE  
JALAN KEBANGSAAN, BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dilayan.**



## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 1 Mei 2019**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah  
Kementerian Kesihatan  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Negara Brunei Darussalam**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

**Waktu Menerima Bayaran  
(Bulan Ramadan)  
Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi  
Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Mana-mana pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai dengan persyaratan-persyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

## TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 12 / 2019 / 2020 / PKK (TC)  
**KETERANGAN :**  
THE PROVISION OF CLEANING AND GRASS CUTTING SERVICES FOR THE FOLLOWING HEALTH CENTRES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS  
1. PAPHRB SUNGAI ASAM HEALTH CENTRE  
2. JUBLI PERAK SENGKURONG HEALTH CENTRE  
3. PENGKALAN BATU HEALTH CENTRE  
**YURAN TAWARAN :**  
BND50.00

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16-17 yang sah dan Lesen Rampaian Khusus bagi Perniagaan Penyajian dan Penyediaan Makanan (Restoran) atau Perniagaan Katering.

2. Borang dan maklumat tawaran bolehlah diperoleh di Unit Perkhidmatan Kewangan,

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 13 / 2019 / 2020 / PKK (TC)  
**KETERANGAN :**  
THE PROVISION OF CLEANING AND GRASS CUTTING SERVICES FOR JUBLI EMAS PERPINDAHAN BUNUT HEALTH CENTRE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND10.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 16 / 2019 / 2020 / UPP  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF 600 SETS OF TERIMA ACCELL LRS PLATELET PLASMA SET FOR HAEMATOLOGY UNIT AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 17 / 2019 / 2020 / UPP  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLE (23G COMBINED PAK) FOR EYE CLINIC AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 18 / 2019 / 2020 / UPP (TC)  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL ITEMS / NON MEDICAL ITEMS (INTRAOCULAR LENS) FOR EYE CLINIC AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND10.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 19 / 2019 / 2020 / UPP (TC)  
**KETERANGAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL ITEMS (ACRYSOFT TORIC POSTERIOR CHAMBER IOL) FOR EYE CLINIC AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 20 / 2019 / 2020 / JPR (TC)  
**KETERANGAN :**  
THE PROVISION OF CLEANING SERVICES FOR TUTONG DIALYSIS CENTRE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**TARIKH TUTUP :**  
28 MEI 2019  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**IKLAN WEBSITE PADA  
1 MEI 2019**

Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

3. Harga tawaran sewa hendaklah dalam mata wang Ringgit Brunei Darussalam (BND).

4. Pihak syarikat mestilah membuat pembayaran penggunaan elektrik dan air sebanyak BND50.00 setiap bulan (termasuk di dalam harga tawaran sewa).

5. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran.

6. Tempoh bagi tawaran perkhidmatan

PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

**TAWARAN SEBUT HARGA :**  
JPN / K / 1 / 11 / TT / 2019 / 29

**THE STAGE BACKWALL  
CLADDING AND LAMINATED  
RAISED FLOORING FOR DEWAN  
JUBLI EMAS, LAW & COURTS  
BUILDING JALAN RAJA ISTERI  
PENGIRAN ANAK SALEHA BA1910,  
BANDAR SERI BEGAWAN**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan bagi TAWARAN SEBUT HARGA THE STAGE BACKWALL CLADDING AND LAMINATED RAISED FLOORING FOR DEWAN JUBLI EMAS, LAW & COURTS BUILDING, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong dan bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan dengan label nama 'TAWARAN SEBUT HARGA THE STAGE BACKWALL CLADDING AND LAMINATED RAISED FLOORING FOR DEWAN JUBLI EMAS, LAW & COURTS BUILDING, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910,

## BANDAR SERI BEGAWAN'

3. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh dari Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah.

**Waktu menerima bayaran  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Para penender hendaklah menghadapkan tawaran sebut harga ini tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada **Selasa, 28 Mei 2019** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan

5. Semua tawaran yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beralamat :

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan-  
Tingkat II  
Bangunan Undang-Undang  
dan Mahkamah-Mahkamah  
Jalan Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha, BA1910  
Negara Brunei Darussalam**

JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG  
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
DI DALAM KELAS : II (II & III) SAHAJA  
KATEGORI : [KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
15 JUN 2019 (SABTU)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
18 JUN 2019 (SELASA), JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DDS 016 / 2019 - (CDE).T.II

**NAMA PROJEK :**  
**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN  
DI MASJID SETIA ALI MUARA**

**YURAN TAWARAN : BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E -DOKUMEN : N/A**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

kantin ini adalah selama TIGA (3) TAHUN sahaja.

7. Hendaklah menyertakan profil syarikat dan pengalaman dalam pengurusan perkhidmatan kantin di negara ini (Jabatan-jabatan Kerajaan atau Kementerian).

8. Pihak syarikat mestilah menyertakan keterangan senarai jenis makanan dan minuman lengkap dengan harga setiap satu.

9. Hendaklah menyenaraikan jumlah pekerja (tempatan / luar negeri) yang akan melaksanakan perkhidmatan kantin ini termasuk tukang masak beragama Islam yang akan ditempatkan nanti.

10. Hendaklah bersedia menjalankan perkhidmatan kantin diluar waktu bekerja jika diperlukan oleh Jabatan.

11. Tawaran hendaklah dimasukkan ke

dalam Peti Tawaran Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup rapat (*sealed*) pada :

Hari : Selasa  
Tarikh : 11 Jun 2019  
Jam : 2.00 petang

Sampul Surat Tawaran hendaklah ditulis seperti berikut :

**SULIT  
BILANGAN TAWARAN :  
RCED / CANTEEN / 1  
PERKHIDMATAN KANTIN  
IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS  
DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

12. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**RCED / CANTEEN / 1 :  
PERKHIDMATAN KANTIN IBU  
PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS  
DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16-17 yang sah dan Lesen Rampaian Khusus bagi Perniagaan Penyajian dan Penyediaan Makanan (Restoran) atau Perniagaan Katering.

2. Borang dan maklumat tawaran bolehlah diperoleh di Unit Perkhidmatan Kewangan,




**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**NOTIS SEBUT HARGA**
**Rabu, 29 Mei 2019,  
jam 12.00 Tengah Hari.**
**TENDER NO. :  
RTB / K / 24 / 19 - 20  
SUPPLY & DELIVERY OF DESKTOP  
COMPUTERS FOR THE  
REPLACEMENT OF EXISTING  
WORKSTATIONS FOR NEWS  
PRODUCTION**
**Bayaran Tawaran :  
BND5.00 (tidak dikembalikan)**
**TENDER NO. :  
RTB / K / 26 / 19 - 20  
SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, CONFIGURATION  
AND COMMISSIONING OF DNS  
SERVERS**
**Bayaran Tawaran :  
BND5.00 (tidak dikembalikan)**
**TENDER NO. :  
RTB / K / 28 / 19 - 20  
SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, CONFIGURATION  
AND COMMISSIONING OF  
UPGRADE OF RTB NEWS  
NAS STORAGE**
**Bayaran Tawaran :  
BND5.00 (tidak dikembalikan)**
**TENDER NO. :  
RTB / K / 34 / 19 - 20  
NEWS PRODUCTION SYSTEM  
NETWORK INFRASTRUCTURE  
UPGRADE**
**Bayaran Tawaran :  
BND5.00 (tidak dikembalikan)**
**TENDER NO. :  
RTB / K / 38 / 19 - 20  
SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, TESTING &  
COMMISSIONING OF  
AIR-CONDITIONERS (SPLIT TYPE)  
RTB KUALA BELAIT STATION**
**Bayaran Tawaran :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**
**Tarikh Tutup :**

1. DOKUMEN-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.  
2. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.  
3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**  
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Jalan Stoney  
Bandar Seri Begawan, BB8610  
Negara Brunei Darussalam.**

**Rujukan :**  
**(Sila tulis Tender No. bagi tiap-tiap  
sebut harga di atas)  
Tarikh Tutup :  
29 Mei 2019 (12 PM)**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

4. Tarikh tutup bagi setiap sebut harga ialah pada **Rabu, 29 Mei 2019, jam 12.00 Tengah Hari.**

5. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

7. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**
**JUALAN SECARA SEBUT HARGA  
BAGI 01 LOT HARTA BENDA  
KERAJAAN KEPUNYAAN ABDB,  
GRU DAN KEMENTERIAN  
PERTAHANAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan untuk memberikan sebut harga bagi penjualan barang-barang dan kerja-kerja pengangkutannya yang dihapuskan dari kira-kira seperti yang tersenarai di dalam borang sebut harga.

2. Yuran dokumen sebanyak BND10.00 tunai (tidak dikembalikan) bagi satu borang sebutharga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

**Bangunan Arkib  
Aras Bawah  
Kementerian Pertahanan  
Bolkiah Garrison**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN  
& PENGANGKUTAN  
BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI  
KIRA-KIRA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
RUJUKAN :  
MINDEF / DFA / MWOC / L /  
1 (02 / 2019)**

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam :

**Box No. 6, Peti Sebut Harga  
Bangunan Arkib  
Aras Bawah  
Kementerian Pertahanan  
Bolkiah Garrison**

5. Tarikh tutup : **Rabu, 29 Mei 2019, tidak lewat jam 10.00 Pagi.**

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

7. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebut harga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini. Setiap sebut harga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

8. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada harga permulaan yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang daripada harga-harga yang ditetapkan besar kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

9. Sebut harga tuan / puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

9.1 Tidak membubuh TANDATANGAN, CAP SYARIKAT (jika berkenaan) dan

**NOMBOR RESIT .**

9.2 Mengubah apa-apa keterangan tawaran sebut harga dengan menggunakan CORRECTION FLUID.

10. Dokumen sebut harga akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit pembayaran yuran tawaran kepada Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga asal (*original*) yang telah disediakan. Borang-borang yang disalin tidak akan diterima dan dilayan.

12. Barang-barang yang dilelong ini bolehlah dilihat di tempat yang disediakan iaitu di Stor RSSD, Jabatanarah Logistik, Bolkiah Garrison.

13. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar penuh secara tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli itu tidak lewat tujuh (7) hari bekerja dari tarikh makluman berjaya. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian boleh dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

14. Jika sekiranya harga yang ditawarkan dan harga permulaan adalah sama / tidak berubah, sebut harga berkenaan tidak semestinya berjaya. Semua pembelian adalah berasaskan *as is* dan *where is*.

15. Waktu-waktu penerimaan pembayaran dan menyaksikan barang-barang tersebut adalah seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
Jumaat  
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi**

16. Pihak Jawatankuasa Penghapusan dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan berhak untuk mengeluarkan / menarik balik tawaran barang-barang berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

**SYARAT-SYARAT WAJIB**

17. Pembeli yang berjaya mestilah menyediakan pengangkutan sendiri dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja-pekerjanya bagi mengelakkan bahaya dan segala kerja-kerja pengemakan dan pemindahan hendaklah dilaksanakan dengan selamat.

18. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

19. Pihak Jawatankuasa berhak membatalkan pembelian sekiranya penawar gagal menepati tempoh, peraturan dan syarat-syarat yang di tetapkan.

20. Kerajaan tidak terikat untuk menerima keseluruhan atau sebahagian sebutharga yang dihadapakan.

21. Maklumat lanjut mengenai dengan barang-barang, lokasi-lokasi dan borang sebut harga berkenaan, sila hubungi pihak RSSD Jabatanarah Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison di talian +673 2386147 / +673 2386533 / +673 2386900 untuk melihat / mengetahui keadaan barang-barang berkenaan.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**
**NOTIS PEMBERITAHUAN  
JABATANARAH KEWANGAN  
DAN PEROLEHAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

SUKACITA dimaklumkan kepada penyimpan-penyimpan wang cagaran tawaran bahawa masih terdapat wang cagaran yang dibayar pada tahun 2014 belum lagi dituntut.

Penyimpan-penyimpan bolehlah menghadapkan resit asal berkenaan ke Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok C, Tingkat I, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja, bagi menuntut balik bayaran dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pemberitahuan ini.

Bayaran balik hanya akan dibuat kepada mereka yang berhak menerima bayaran tersebut. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas tempoh yang telah ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan. Sila abaikan notis ini jika wang cagaran telah dituntut sebelum ini.

Wang cagaran yang belum dituntut adalah disenaraikan di bawah ini :

**1) TARIKH : 11 / 04 / 2014  
RESIT : D8693077  
NAMA PEMBAYAR :  
AK. WAFIUDIN BIN PG. MOHD.**

**YUSOF  
JUMLAH : BND500.00**

**2) TARIKH : 16 / 04 / 2014  
RESIT : D8693106  
NAMA PEMBAYAR :  
PG. A NURUL AQILAH PG. A HJ.  
ARIFIN  
JUMLAH : BND500.00**

**3) TARIKH : 17 / 04 / 2014  
RESIT : D8963111  
NAMA PEMBAYAR :  
HJ. ISMAIL BIN METUSIN /  
MD. HUSAIN  
JUMLAH : BND500.00**

**4) TARIKH : 25 / 04 / 2014  
RESIT : D8963155  
NAMA PEMBAYAR :  
MOHAMMAD ROUHAN  
BIN HJ. HASSAN  
JUMLAH : BND500.00**

**5) TARIKH : 12 / 05 / 2014  
RESIT : D8963276  
NAMA PEMBAYAR :  
IZZAH SYAZWANI  
BINTI HAJI MARJUKI  
JUMLAH : BND500.00**

**6) TARIKH : 30 / 10 / 2014  
RESIT : E0008042  
NAMA PEMBAYAR :  
AWANG SAHRULNIZAM  
BIN HJ. ISMAIL  
JUMLAH : BND500.00**


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN**
**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI  
TAWARAN**

**KELAYAKAN :  
Kelas IV atau V sahaja,  
Kategori E02 atau E03**

**BILANGAN TAWARAN :  
JPE / LTK / PSP / 014 / 2019**

**TAJUK :  
PENGUKUHAN SISTEM RANGKAIAN  
PEMBAHAGIAN 11KV KAWAT ATAS  
3C / 300MCM KG. SENUKOH, KG.  
PIASAU-PIASAU, KG. KENUA, KG.  
SEMABAT DAN SEKITARNYA,  
DAERAH TEMBURONG**

**YURAN TAWARAN :  
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :  
4 Jun 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)**

**TEMPAT TUTUP :  
'TENDER BOX'  
PENERUSI**

**LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA  
DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN,  
KOMPLEKS BANGUNAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.

## Apa Pendapat Biskita?

### Bersahur banyak nikmat sebaliknya

**B**ERSAHUR merupakan nikmat luar biasa bagi kita sekeluarga pada bulan suci Ramadan, dimulai daripada proses membangunkan anak-anak dan seisi keluarga. Apatah lagi, bersahur satu-satunya masa untuk seisi keluarga berkumpul untuk makan bersama dan tidak seperti bulan-bulan biasa peluang dan kesempatan sebegini jarang kita peroleh kerana kesibukan masing-masing. Ditambah lagi, pada ketika inilah kita membolehkan dan mendidik anak-anak dan ahli keluarga kita untuk memulakan doa sebelum acara makan sahur, seperti dengan saat berbuka ada yang bertugas (bergiliran) baca doa atau niat untuk makan sahur "Nawaitu shauma gadhin 'an adaai fardhu syahri ramadhaan haadzihis sanati lillahi Ta'alaah." Maksudnya, "Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, Maha Penyayang, saya berniat berpuasa sehari penuh esok dalam bulan ini bulan Ramadan kerana Engkau ya Allah."

Jika dahulu, kita akan bersahur di rumah pada awal Subuh jam 3 pagi, yang mana seisi keluarga akan berkumpul di ruang makan menantikan juadah bersahur dan seperti dimaklumi saat membuat persiapan bersahur para ibulah yang akan lebih awal bangun bagi menyiapkan juadah bersahur untuk suami dan seisi keluarga. Berbeza pada zaman yang serba moden sekarang, di mana bersahur tidak hanya dinikmati bersama keluarga di rumah tetapi ada juga yang lebih memilih untuk bersahur di luar rumah dengan pergi ke restoran, kafe dan gerai makan bersama keluarga.

Apakah pula keistimewaannya bersahur di luar daripada bersahur di rumah sendiri? Mari kita ikuti beberapa pendapat daripada orang ramai tentang hal ini.

"Tatkala bulan Ramadan tiba, pastinya semua umat Islam akan merancang pelbagai atur cara sama ada sewaktu berbuka puasa atau bersahur. Selalunya yang menjadi keutamaan adalah juadah yang hendak dimasak dan dimakan bersama kaum keluarga ketika menjelang saat berbuka ataupun bersahur. Apabila berbicara mengenai bulan Ramadan, lazimnya kita sering mendengar dan kadangkala merancang untuk sesekali berbuka puasa di luar bagi merasai kelainan juadah yang disediakan. Mengenai bersahur pula, situasinya juga sama seperti berbuka puasa. Sahur merupakan satu rutin terpenting pada bulan Ramadan yang menjadi penambah tenaga kita ketika berpuasa seharian. Pada kebiasaan, kita lebih memilih untuk bersahur di rumah kerana ia mudah dan jimat. Apabila juadah sudah tersedia, maka bersahur di rumah akan menjadi senang. Namun, ada juga yang memilih untuk bersahur di luar kerana beberapa faktor, antaranya ada beberapa restoran yang beroperasi sehingga habis waktu bersahur. Jadi ini memberi peluang kepada kita untuk merasai pengalaman bersahur di luar rumah. Selain itu, sahur di luar juga memberi kemudahan buat kita yang mungkin tidak sempat menyediakan juadah untuk bersahur di rumah atau bagi mereka yang sedang bekerja pada waktu tersebut untuk bersahur di luar. Sama ada di rumah mahupun di luar, dengan bersahur akan memberi kita keberkatan, kekuatan dan tenaga dalam menjalani ibadah puasa." - **Mohd. Fauzi bin Idris.**

"Bersahur di rumah mahupun di luar seperti di restoran makan tiadalah salahnya, apa yang penting keikhlasan kita dalam mengerjakan ibadah puasa, bersahur bersama-sama keluarga dan tidak salah juga untuk kita sekali sekala bertukar angin untuk bersahur bersama keluarga di luar. Sahur juga merupakan latihan agar kita membiasakan diri bangun di sepertiga malam terakhir, di mana waktu tersebut adalah waktu yang sangat mustajab. Latihan tersebut hendaklah diterapkan pada bulan-bulan berikutnya setelah Ramadan." - **Haji Abdul Rashid.**

"Menikmati hidangan sahur beramai-ramai secara santai di kedai-kedai makan ini memang saya nantikan setiap kali bulan Ramadan dan hingga kini saya sering bersahur di luar bersama rakan-rakan serta keluarga kerana cara sebegini membolehkan kami bersantai selain menjimatkan masa untuk memasak." - **Hafizah Shuyadah Haji Mokti.**

"Meskipun sibuk dengan jadual yang padat setiap hari, saya tidak pernah terlepas untuk bersahur bersama keluarga, bersahur bersama dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Bagi saya juga bersahur di mana sekalipun baik di rumah mahupun di luar tidak ada bezanya apa yang harus kita tahu sahur itu dianggap sebagai sarapan, juadah yang penting untuk kesihatan dan sebagai sumber tenaga supaya kita kekal produktif sepanjang masa. Oleh itu, kita tidak seharusnya ambil mudah amalan bersahur lagi pula umat Islam diajar bahawa bersahur hukumnya adalah sunat." - **Mohammad Alif Gazali.**

Bersahur di rumah atau di luar pada pendapat saya selaku penulis bagi ruang Apa Pendapat Biskita, tiada masalahnya kerana apa yang harus kita semat dalam diri kita sebagai umat Islam ialah keikhlasan kita dalam menunaikan ibadah puasa pada bulan yang penuh berkah ini. Bersahur di mana pun jua tiada halangannya, apatah lagi bersahur itu sunat dan masanya untuk kita berkumpul bersama keluarga dan ini juga salah satu istimewanya sahur kerana ia membantu kita mengeratkan tali kekeluargaan. InsyaaAllah, bersama-samalah kita mencari keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala dengan amalan bersahur ini. Nescaya kita akan terus diletakkan dalam perlindungan-Nya.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

- i. Berbagi Rezeki di Bulan Ramadan
- ii. Kiriman Ucapan Kad Hari Raya atau WhatsApp

# UNISSA kendalikan Program Suntikan Iman

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**PENSYARAH** Fakulti Undang-undang UNISSA, **Dr. Nurol Huda binti PDSMDSU Haji Awang Ismail** semasa menyampaikan kuliah berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan Program Suntikan Iman 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang merangkumi pelbagai topik rohaniah dan juga pembelajaran Al-Quran dalam beberapa siri kuliah yang diadakan di sepanjang bulan Ramadan.

Hari ini, Kuliah Ramadan bertajuk 'Wanita dan Puasa' disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Undang-undang UNISSA, Dr. Nurol Huda binti PDSMDSU Haji Awang Ismail.

Kuliah diisikan dengan perkara-perkara yang perlu diketahui oleh wanita dan juga lelaki sebagai kepala keluarga dalam menjalani ibadah puasa dengan mendedahkan pengetahuan am berkaitan puasa Ramadan, menjelaskan hukum puasa wanita yang didatangi haid, nifas dan keadaan lain, serta menghuraikan kaedah qada puasa dan fidyah.

Seramai 15 peserta terdiri daripada orang-orang persendirian, pegawai dan kakitangan kerajaan dan pelajar menghadiri kuliah tersebut.

Selain dari kuliah, program berkenaan juga diisikan dengan pembelajaran Al-Quran seperti Celik Al-Quran (Asas Membaca Al-Quran); Pro Makhras Huruf Al-Quran dan Aplikasi Dalam Surah Al-Fatihah; Mahir Bacaan Al-Quran - Kuasai Formula Hukum Ra' (edisi Bahasa Inggeris); Kaedah Berinteraksi dengan Al-Quran, juga Pengenalan Ilmu Hadith dan Ramadan for Kids yang diadakan pada hari-hari berlainan di Kampus UNISSA.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai kuliah-kuliah tersebut boleh menghubungi talian +673 246 2000 sambungan 204 / 202 / 191, atau melalui emel [C4L@unissa.edu.bn](mailto:C4L@unissa.edu.bn) untuk keterangan lanjut.



**SEBAHAGIAN** peserta Program Suntikan Iman anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang menghadiri kuliah berkenaan.

## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Berpada-pada Berbelanja Menjelang Raya'. Tarikh Tutup : 22 Mei 2019
2. 'Raikan Syawal Dengan Penuh Kesyukuran'. Tarikh Tutup : 29 Mei 2019
3. 'Pertahankan Keharmonian dan Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Jun 2019

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas  
 Bandar Seri Begawan, BB3510  
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Bagaimanakah solat seorang musafir?



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohidin

**TUNGKU LINK**, Rabu, 15 Mei. - Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kemudahan dan kelonggaran kepada musafir (orang yang belayar) untuk mengqasar (memendekkan) atau menjamak (menghimpunkan sembahyang) atau kedua-duanya sekali dengan syarat-syarat yang telah ditentukan.

Perkara itu antara inti pati Bengkel Kesempurnaan Solat dengan tajuk Cara Solat bagi

**IMAM Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Haji Jufri bin Hidup menyampaikan Cara Solat bagi Musafir kepada para peserta lelaki, di ruang legar Masjid UBD.**



**SEBAHAGIAN peserta lelaki yang mengikuti Bengkel Kesempurnaan Solat.**

Musafir, disampaikan oleh Pegawai Buhuth, Jabatan Mufti

Kerajaan, Dayang Siti Aishah binti Haji Abu Bakar bagi peserta perempuan di Bilik Muzakarah, Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Jelasnya, syarat-syarat qasar itu antaranya jarak perjalanan lebih dua marhalah, iaitu 89.04 kilometer (tidak termasuk jarak balik dari pelayaran); hendaklah Safar itu telah bermula, iaitu jika Safar melalui jalan darat atau jalan air atau jalan udara yang tempat berlepas, maka jalan air dan jalan udara itu terletak di luar bandar, pekan atau kampung tempat tinggal, maka Safar bermula.

Jika bandar, pekan atau kampung tempat tinggal itu mempunyai perbatasan yang khusus, maka Safar ujarnya bermula setelah melewati perbatasan tersebut.

Sementara bagi peserta lelaki Cara Solat bagi Musafir disampaikan oleh Imam Masjid UBD, Awang Haji Jufri bin Hidup bertempat di ruang legar Masjid UBD.

Seramai 50 peserta lelaki dan 70 peserta perempuan menyertai bengkel berkenaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan UBD, jabatan-jabatan kerajaan juga para mahasiswa UBD.

Bengkel selama tiga hari yang bermula sejak 13 Mei lalu bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai amnya dan pelajar UBD khasnya agar lebih mengetahui dan memahami cara solat yang sempurna semasa sihat ataupun sakit.

Semasa bengkel dijalankan, para peserta juga diberi peluang untuk mengajukan soalan tentang masalah-masalah kontemporari berkaitan solat.

Bengkel anjuran Jawatankuasa Keagamaan UBD 2019 - 2020 dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid UBD diharapkan akan melahirkan para peserta atau belia yang cemerlang daripada segi mental dan fizikal juga spiritual yang akan tercapai dengan jayanya.



**PEMUDAH CARA Bengkel Kesempurnaan Solat (Cara Solat bagi Musafir) bagi peserta perempuan, Pegawai Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan, Dayang Siti Aishah binti Haji Abu Bakar.**

## Tiga produk kesihatan tercemar

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan tiga produk kesihatan, yang mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk-produk tersebut didapati dicemari dengan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk berkenaan adalah seperti dalam rajah 1.

Bahan-bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Sibutramine adalah agen pelangsing badan yang tidak lagi disarankan penggunaannya dalam rawatan obesiti kerana kesannya yang boleh memudaratkan jantung dan hati. Pengambilan sibutramine juga boleh menyebabkan kesan *adverse* yang serius seperti tekanan darah tinggi, kadar degupan jantung meningkat; dan dalam kes-kes yang paling teruk, ia boleh menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan hati.

Tadalafil dan Sildenafil adalah ubat yang digunakan untuk

merawat mati pucuk yang memerlukan preskripsi doktor. Antara kesan-kesan sampingan apabila memakan ubat-ubat tersebut, merasa mual, muntah-muntah, muka kemerahan dan pening. Dalam kes-kes yang teruk, ia juga boleh menyebabkan peningkatan yang luar biasa dalam degupan jantung, kehilangan pendengaran secara tiba-tiba dan sawan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan *adverse* dan berasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan

bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393298 sambungan 208; menghantar e-mel ke [enforcement@moh.gov.bn](mailto:enforcement@moh.gov.bn); berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.

No.	Nama Produk	Pengilang	Dicemari dengan
1.	Madam Kate Detox Capsule	Tidak dinyatakan	Sibutramine
2.	Lorenzo Delicious Pure Chocolate Tablet 1000mg	Lorenzo Health Nz, New Zealand	Tadalafil
3.	Vigra Pills 6800mg	American Couple Biotechnology Co Ltd, U.S.A	Sildenafil

## Di mana mereka?

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan dua pekerja lelaki, warganegara Bangladesh yang dilaporkan lari daripada majikan, iaitu Mohammad Shamim Kazi, pemegang pasport BH0123409; dan Kamrul Hoshen Hossain, pemegang pasport BN0264285.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai mereka, sila hubungi Balai Polis Berakas melalui talian +673 2330410 atau Talian Kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



**KAMRUL Hoshen Hossain**, pemegang pasport BN0264285.

**MOHAMMAD Shamim Kazi**, pemegang pasport BH0123409.

# Didedahkan maklumat mengenai ASEAN



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan (kiri) menyampaikan Taklimat Kenali Negara ASEAN kepada pelajar-pelajar Sekolah Sukan (kiri). Sementara gambar kanan, jerayawara diisikan dengan aktiviti menguji minda pelajar, iaitu Kuiz ASEAN.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Sukan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Jerayawara yang berlangsung di Dewan Kuliah sekolah berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Allah

Peliharakan Sultan.

Taklimat Kenali Negara ASEAN yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan, turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua Sekolah Sukan, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohd. Salleh bersama 133 tenaga pengajar dan penuntut-penuntut sekolah itu.

Jerayawara diisikan dengan aktiviti menguji minda pelajar iaitu Kuiz ASEAN yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Haji Abdul Hanif bin Haji Abdul Rahim, diikuti dengan penyampaian hadiah Kuiz ASEAN kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz dengan betul dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati.

Taklimat Kenali Negara ASEAN antaranya bertujuan untuk membarigakan serta membuat

pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini, kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN, di samping mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengenali ASEAN serta peranan organisasi itu dalam membangun negara-negara anggotanya.

Adalah diharapkan melalui taklimat seumpama itu akan dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One Identity, One Community).



Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

## Giat dilaksanakan persiapan pameran Enabling



PARA pelatih ketika menghasilkan lukisan yang akan dipamerkan pada Pameran Enabling.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Sebanyak 80 ke 100 buah lukisan hasil pelatih-pelatih Pusat Bahagia akan dipamerkan pada Pameran Enabling akan diadakan selama 10 hari bermula 24 Mei hingga 2 Jun, bertempat di Bangunan Galeri Seni, Dermaga Diraja, di ibu negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengetua Pusat Bahagia, Awang Md. Nasrullah El Hakiem bin Haji Mohammed ketika ditemui Pelita Brunei semasa berkongsi persediaan yang giat dilaksanakan oleh para pelatih di pusat berkenaan.

Menurut Awang Md. Nasrullah El Hakiem, melalui pameran tersebut ia akan dapat membantu bagi mempromosikan lukisan-lukisan para pelatih Pusat Bahagia, di samping hasil-hasil lukisan daripada persatuan-persatuan lain di negara ini.

Tambahnya, program kreativiti merupakan salah satu program yang baharu diperkenalkan di pusat berkenaan

bagi memperkembangkan lagi kemahiran kreativiti para pelatih juga personaliti mereka.

Dari segi perkembangan sosial pula jelasnya, para pelatih sudah mula mengenali bahawa dalam masyarakat ini ada orang lain yang mempunyai minat yang sama dan daripada minat yang sama itu boleh membukakan satu ruang atau jalan untuk mereka berkomunikasi dan dengan adanya kelas kreativiti itu mereka sudah mula pandai berhubung.

Jelasnya lagi, lukisan-lukisan hasil para pelatih pusat itu juga dapat menjadi platform yang mampan untuk menjana pendapatan dan masa depan mereka.

Pameran berkenaan dianjurkan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Muzium-Muzium; dan Pusat Bahagia juga rakan-rakan strategik daripada Universiti Brunei Darussalam dan Progresif Cellular Sendirian Berhad.

## Miliki senjata api tanpa lesen



SUSPEK seorang penduduk tetap, Michells Jackson anak Awil, berumur 31 tahun dan tidak bekerja.

**LAMUNIN**, Rabu, 15 Mei. - Balai Polis Lamunin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan siasatan ke atas seorang suspek lelaki yang dipercayai memiliki senjata api buatan sendiri.

Perkara ini menurut siaran akhbar PPDB pada Sabtu, 11 Mei, terbongkar semasa pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) membuat serbuan ke sebuah rumah kediaman di kawasan Bengkuru, Kampung Kuala Ungar mendapati satu bungkusan yang mencurigakan berada di dalam sebuah kereta milik suspek tersebut dan suspek diserahkan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei



ANTARA barang bukti yang dirampas.

ke pihak Balai Polis Lamunin.

Suspek adalah seorang penduduk tetap, Michells Jackson anak Awil, berumur 31 tahun dan tidak bekerja.

Suspek dihadapkan ke mahkamah bagi berdepan dengan kesalahan memiliki senjata api tanpa lesen di bawah Seksyen 17(1) Akta Senjata Api dan Bahan Letupan Penggal 58.

Jika sabit kesalahan, tertuduh akan dihukum penjara dalam suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi daripada 15 tahun juga sebatan tidak kurang daripada tiga sebatan dan tidak lebih daripada

12 sebatan.

Hasil daripada perbicaraan di Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada Rabu, 15 Mei 2019, tertuduh dilepaskan dengan jaminan mahkamah sebanyak BND7,000 atau dua penjamin dan perbicaraan selanjutnya akan berlangsung pada 29 Mei 2019.

Pihak PPDB menyeru kepada orang ramai supaya tidak memiliki, menyimpan atau membuat sebarang senjata api mahupun peluru, yang mana perkara itu merupakan kesalahan berat di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam.



# Mengagungkan dan memuliakan Al-Quran

petunjuk, pedoman, penerangan yang menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah, menjadi pegangan dan rujukan bagi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya kitab suci Al-Quran adalah mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga ke hari ini dapat kita baca dan nikmati serta ikuti pengajarannya dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri antaranya :

- Al-Quran itu dijaga dan dipelihara sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, Al-Quran sejak diturunkan sehingga sekarang, sudah lebih 41 abad lamanya tidak pernah berubah, tidak pernah bertukar, tidak terdapat sebarang perubahan atau kesilapan walaupun dengan tersalah satu ayat mahupun satu kalimah. Ia tetap kekal dalam keadaan asalnya. Inilah jaminan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hijr, ayat 9 yang tafsirannya :

"*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya (daripada perbuatan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan).*"

Al-Quran adalah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia bukanlah kalam manusia dan tidak bercampur aduk dengan segala percakapan manusia. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Asy-Syu'ara, ayat 192 - 193 yang tafsirannya :

"*Dan sesungguhnya Al-Quran ini adalah diturunkan oleh Tuhan pencipta dan pentadbir sekalian alam. Ia dibawa oleh Al-Ruhul Al-Amin (Malaikat Jibril).*"

- Ajaran-ajaran di dalam Al-Quran itu bersifat menyeluruh dan sesuai untuk dilaksanakan setiap tempat, masa, keadaan atau zaman sehinggalah berlaku hari

kiamat. Al-Quran adalah cahaya yang menerangi seluruh alam kerana di dalamnya mempunyai hikmah, petunjuk dan pedoman hidup untuk semua peringkat masyarakat, tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengagungkan dan memuliakan Al-Quran dengan menjaga kesuciannya, membaca serta mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya bagi memperoleh kesejahteraan dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Ketahuilah, dengan membaca dan mengamalkan ajaran-ajaran Al-Quran, di akhirat kelak Al-Quran itu sendiri akan datang memberikan syafaat atau pertolongan kepada orang-orang yang membacanya. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *Bahawa puasa dan Al-Quran itu meminta syafaat kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk seseorang hamba-Nya pada hari kiamat : "Ya Tuhan, aku telah menahannya daripada makan dan minum pada siang hari maka jadikanlah aku syafaat kepadanya. Dan berkat Al-Quran : "Ya Tuhan, aku telah menahan orang itu daripada tidur kerana membaca Al-Quran pada malam hari, maka jadikanlah aku syafaat kepadanya. Lalu Allah Subhanahu Wata'ala memberi syafaat kepadanya dengan sebab permohonan kedua-duanya itu."* (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad).

Sesungguhnya membaca Al-Quran itu bukan sahaja menjadi amal dan ibadat akan tetapi ia juga menjadi ubat dan penawar bagi penyakit rohani dan jasmani. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 82 yang tafsirannya :

"*Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (Bagi penyakit*

*rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian.*"

Oleh itu, bersempena dengan bulan Ramadan yang مبارak ini, marilah kita merebut peluang untuk melipatgandakan amal ibadat dengan membaca Al-Quran, walau sesibuk mana pun kita dengan urusan pekerjaan dan sebagainya. Janganlah sesekali kita lalai atau lupa untuk meluangkan masa untuk membaca Al-Quran. Jadikanlah membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian yang berterusan bukannya setakat di bulan Ramadan sahaja.

Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita semua akan mendapat syafaat, rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya sama-samalah kita berdoa : Ya Allah, limpahkanlah kasih sayang Mu kepada kami dengan Al-Quran, jadikanlah Al-Quran sebagai pembimbing, cahaya, petunjuk dan rahmat bagi kami. Ya Allah, ingatkanlah apa-apa yang kami lupa daripadanya, ajarkanlah apa yang kami tidak tahu, dan jadikanlah Al-Quran sebagai pembela kami di hari kiamat nanti. Amiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fatir, ayat 29 yang tafsirannya :

"*Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara berterang-terang, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi.*"

## Bertadarus, berbuka bersama mualaf



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyerahkan bantuan keperluan harian kepada para mualaf.

TUTONG, Rabu, 15 Mei. - Bulan Ramadan adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala kepada seluruh umat Islam, bulan yang penuh berkat dan keistimewaan di mana umat Islam dituntut untuk memperbanyakkan

amalan dan kebajikan dalam mencari reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam kesempatan itu, rombongan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang diketuai oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid

bin Haji Mohd. Salleh telah berkunjung ke Masjid Kampung Benutan, Daerah Tutong untuk sama-sama mengadakan Majlis Bertadarus dan Berbuka Puasa bersama para mualaf setempat kelmarin.

Rombongan terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Bahagian Pentadbiran dan Urusetia Tafsir Darussalam.

Acara Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat diteruskan dengan penyerahan bantuan keperluan harian kepada para mualaf.

Acara petang itu juga diselenggarakan dengan penyerahan Buku Sembahyang Tarawih dan Kad Sayyidul Istighfar sempena bulan Ramadan 1440 Hijrah yang dikendalikan bersama oleh PDI dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Majlis Bertadarus dan Berbuka Puasa bersama para mualaf di kawasan pedalaman ini merupakan aktiviti tahunan PDI dan dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong.

Siran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

Aktiviti seumpama ini bertujuan untuk mengajak para mualaf bagi sama-sama menghayati bulan Ramadan dengan melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti membaca Al-Quran, Sembahyang

Sunat Tarawih dan Witir berjemaah.

Selain itu, aktiviti ini juga diharapkan dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara warga PDI dan para mualaf.



MAJLIS Bertadarus disertai oleh pegawai Pusat Da'wah Islamiah dan penduduk Kampung Benutan.



# Ziarah kubur platform muhasabah diri

Rencana dan Foto :  
Haji Ahmad Haji Salim

**S**EMPENA bulan Ramadan dan juga musim perayaan Aidilfitri, lazimnya kita melakukan amalan dengan menziarahi pusara atau kubur kedua ibu bapa, keluarga dan sanak saudara tercinta yang telah kembali *kerahmatullah*. Amalan mulia ini sesungguhnya boleh membawa kita kepada keinsafan, menguatkan kita akan mati dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ziarah ke tanah perkuburan ini, pada hakikatnya tidaklah tertumpu pada bulan Ramadan atau bulan Syawal sahaja akan tetapi kita digalakkan untuk berziarah ke tanah perkuburan pada bila-bila masa. Amalan ziarah kubur ini mempunyai tujuan dan hikmatnya tersendiri, antaranya supaya dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebab mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, berlaku ihsan terhadap penghuni kubur, lebih-lebih lagi kepada roh kedua ibu bapa kita dan menggembarakan mereka dengan memberi salam, memohon doa agar dilimpahi dengan rahmat, pengampunan dan keafiatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Berziarah ini juga akan menerbitkan perasaan insaf dan taubat di dalam hati tentang menghadapi hari kematian, alam kubur dan alam akhirat, iaitu dengan muhasabah diri, adakah amalan kita sudah mencukupi untuk dijadikan bekal dalam alam barzakh dan alam akhirat atau bersediakah kita sudah untuk menuju ke alam tersebut?

## Hukum Dan Adab Ziarah Kubur

Menurut buku *Irsyad Hukum* terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, menziarahi kubur itu hukumnya sunat bagi lelaki, manakala bagi golongan perempuan pula, sama ada perempuan yang dalam keadaan suci, mahupun dalam keadaan haid atau nifas, hukumnya adalah makruh dengan syarat perempuan itu mampu mematuhi segala syarat serta larangan ketika menziarahi kubur seperti mampu mengawal kesedihan, menjaga aurat, terhindar daripada fitnah dan sebagainya.

Islam telah menetapkan beberapa adab yang harus dijaga ketika menziarahi tanah perkuburan bagi menjaga dan menghormati si mati. Dalam buku *Irsyad Hukum* ada menjelaskan tentang adab dan tatacara ketika berziarah ke tanah perkuburan. Antara adab dan tatacara memelihara hak dan kehormatan kubur serta ahli kubur ketika berziarah ialah :

- Hendaklah menutup aurat dengan sempurna dengan memakai pakaian yang sopan dan bersesuaian.

- Khusus bagi kaum wanita, hendaklah menghindarkan diri daripada bersolek, berhias-hias dalam berpakaian serta memakai harum-haruman ketika ziarah kubur kerja selain perkara tersebut dilarang pada waktu dan tempat yang lain kerana boleh menimbulkan fitnah, ia juga tidak selari dengan hikmah amalan ziarah kubur yang disyariatkan antaranya untuk mengingatkan mati atau hari kiamat.

- Disyaratkan juga bagi kaum wanita supaya jangan berziarah kubur seorang diri, bahkan hendaklah dia ditemani oleh suami ataupun mahramnya.

- Tidak duduk atau bersandar di atas kubur tanpa keperluan kerana perbuatan tersebut hukumnya makruh di sisi syarak. Bagaimanapun, jika terpaksa melakukannya kerana suatu keperluan, umpamanya tidak sampai ke kubur yang hendak diziarahi

tanpa melakukan demikian, contohnya dalam keadaan tanah perkuburan yang kuburnya berdekatan di antara satu dengan yang lain, maka dalam hal seumpama ini tidaklah makruh duduk atau bersandar di atasnya.

- Adapun duduk di sekitar atau di sekeliling kubur pula tidaklah dilarang.

- Tidak berjalan di atas kubur atau memijaknya tanpa keperluan ataupun hajat kerana memijak itu sama hukumnya seperti duduk. Walau bagaimanapun, jika tidak ada jalan lain menuju ke kubur yang hendak diziarahi itu melainkan dengan memijak kubur yang lain, maka dalam keadaan sedemikian harus hukumnya memijak kubur kerana adanya keuzuran.

- Adapun lalu atau memijak kawasan persekitaran dalam tanah perkuburan yang bukan tempat mayat ditanam di bawahnya pula tidaklah makruh walaupun memijaknya atau lalu di atasnya tanpa keperluan. Ini kerana larangan daripada memijak, begitu juga duduk, berbaring atau bersandar itu hanyalah khusus jika dilakukan di atas kubur tempat mayat ditanam sahaja dan bukan di persekitaran atau tempat laluan yang disediakan di kawasan tanah perkuburan.

## Hikmah Ziarah Kubur

Ziarah kubur sememangnya satu ibadat yang mengandungi hikmah-hikmah di sebaliknya. Antara hikmah yang dapat kita peroleh ialah supaya kita akan dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala kerana

mengikuti dan menghidupkan Sunnah Rasulullah.

Selain itu, juga membolehkan kita merenung asal usul kejadian manusia yang berasal daripada tanah dan akan kembali semula ke tanah di samping dapat muhasabah diri dengan mengingat hari kematian, alam kubur barzakh dan hari kiamat, sama ada akan layak menuju ke syurga atau sebaliknya.

Mengamalkan ziarah ke tanah perkuburan juga membolehkan kita untuk mengambil iktibar serta pengajaran daripada apa yang telah berlaku, untuk melembutkan kekerasan hati dan menggamit kesedihan yang membawa kepada kesedaran.

Selain itu, ziarah ke kubur juga dapat mengingatkan kembali pengorbanan orang-orang yang berjasa dan orang-orang yang berjihad kerana menegakkan kalimah Tauhid. Mendidik diri agar bersifat zuhud iaitu tidak rakus dan tidak tamak akan harta benda dunia serta berlaku ihsan kepada penghuni kubur dan menggembarakan mereka dengan memberi salam, berdoa dan memohon keampunan untuk mereka juga merupakan hikmah-hikmah yang terdapat dalam amalan menziarahi kubur.

Setiap yang hidup pasti akan mati. Hanya tanah perkuburanlah yang akan menjadi tempat persemadian yang abadi bagi setiap daripada kalangan kita di muka bumi Allah ini. Marilah kita saling ingat-mengingati agar tidak bermegah-megah ketika masih dipinjamkan nyawa, sebaliknya marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk bekal di akhirat nanti.



## MENGAMALKAN

ziarah ke tanah perkuburan juga membolehkan kita untuk mengambil iktibar serta pengajaran daripada apa yang telah berlaku, untuk melembutkan kekerasan hati dan menggamit kesedihan yang membawa kepada kesedaran.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Mei. - Kedatangan bulan Ramadan setiap tahun setentunya yang paling ditunggu-tunggu buat seluruh umat Islam di seluruh dunia kerana pada bulan inilah beribu rahmat, pengampunan dan ganjaran pahala dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Salah satu pintu yang dibuka oleh Allah untuk meraih keuntungan besar dari bulan Ramadan adalah melalui sedekah. Islam sering menganjurkan umatnya untuk banyak bersedekah.

Sedekah adalah sesuatu pemberian yang dilakukan dengan ikhlas tanpa dibatasi oleh jumlah tertentu dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah.

Sedekah itu tidak terbatas kepada menginfakkan wang atau harta kekayaan di jalan Allah dan memberi nafkah pada fakir miskin sahaja malahan bantuan tenaga, sokongan moral dan psikologi juga adalah sedekah, contohnya menyumbang tenaga untuk membersihkan masjid atau surau bagi menjaga keselesaan jemaah yang datang ke masjid.

Agama Islam sangat menggalakkan umatnya bersedekah dan menjadikannya sebagai budaya dan kebiasaan dengan cara memberikan bantuan, sama ada berupa wang ringgit, makanan, pakaian dan sebagainya bagi membantu mereka yang dalam kesusahan dan yang sangat memerlukannya.

Di negara kita, pelbagai medium disediakan oleh pihak kerajaan mahupun agensi swasta,

# Raih pahala bersedekah di bulan Ramadan

persatuan-persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya bagi memudahkan lagi untuk orang ramai menghulurkan bantuan / sedekah.

Antara kaedah yang disediakan ialah seperti melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), tabung-tabung kutipan derma yang telah diletakkan di tempat-tempat khusus di seluruh negara dan seumpamanya.

Antara tabung-tabung dana itu ialah Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan iaitu bagi orang ramai untuk sama-sama menghulurkan sedekah seangkat-angkat hati mengikut kemampuan masing-masing.

Malah dengan kemudahan yang ada disediakan juga, kita bukan sahaja dapat menghulurkan bantuan untuk masyarakat di negara ini, namun sehingga keluar negara seperti yang dilaksanakan oleh belia-belia dan NGO-NGO di negara ini seperti sumbangan untuk rakyat Palestin, Gaza, Syria dan sebagainya bagi sama-sama membantu meringankan beban

umat Islam di luar sana.

Ketahuilah, Allah melipatgandakan pahala orang yang bersedekah. Ini dapat dibuktikan melalui firman Allah dalam Surah Al-Hadid ayat ke-18 yang bermaksud : "Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah baik lelaki mahupun perempuan dan meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya akan dilipatgandakan (ganjarannya) kepada mereka dan bagi mereka pahala yang banyak."

Alangkah ruginya jika kita tidak merebut peluang segala kelebihan dan kebajikan yang sangat istimewa yang terdapat dalam bulan Ramadan ini.

Selaku umat Islam kita adalah dituntut untuk meningkatkan amal ibadah pada setiap masa, namun bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk melipatgandakan amalan yang biasa dikerjakan. Antara amalan yang elok diperbanyakkan ialah amalan bersedekah.

Allah Subhanahu Wata'ala benar-benar memuliakan orang-orang yang bersedekah. Ia menjanjikan banyak keutamaan dan balasan yang menakjubkan bagi orang-orang yang gemar bersedekah.

Terdapat ratusan dalil yang menceritakan keutamaan, kemuliaan orang-orang yang bersedekah antaranya ialah sedekah dapat menghapus dosa, orang yang bersedekah akan mendapatkan naungan di hari kiamat, sedekah memberi keberkahan pada harta, Allah melipatgandakan pahala orang yang bersedekah, terdapat pintu syurga yang hanya dapat dimasuki oleh orang yang bersedekah dan sedekah akan menjadi bukti keimanan seseorang serta dapat menjauhkan diri dari api neraka.

Salah satu sebab Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi teladan untuk lebih bersemangat dalam bersedekah di bulan Ramadan adalah kerana bersedekah di bulan ini lebih dahsyat dibanding sedekah di bulan lainnya.

Oleh itu, marilah bersama-sama kita merebut peluang di bulan Ramadan ini dengan bersedekah. Jika tidak mampu menyumbang harta, berusaha menyumbang dari segi tenaga dan sebagainya.



RAMADAN bulan yang dinanti-nantikan untuk meningkatkan amal ibadah di mana setiap amalan ini dijanjikan pahala yang berlipat ganda (atas dan bawah).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BERSEDEKAH sudah menjadi budaya dan kebiasaan masyarakat di Brunei dengan menghulurkan bantuan sama ada berupa wang ringgit, makanan, pakaian dan sebagainya bagi membantu mereka yang memerlukan.



Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

## Ditangkap jual mercun

**LIMAU MANIS,** Rabu, 15 Mei. - Balai Polis Limau Manis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) berjaya menahan dua orang suspek, warganegara tempatan kerana dipercayai terlibat dengan penjualan dan memiliki barang-barang mercun.

Kedua-dua suspek ditahan di kawasan letak kereta Masjid Kampung Masin.

Setelah kenderaan suspek diperiksa, didapati terdapat beberapa barangan mercun yang diletakkan di bahagian penumpang hadapan.

Suspek pertama, seorang lelaki, warganegara tempatan, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Haji Munap, berumur 48 tahun dan

tidak bekerja.

Manakala suspek kedua, seorang wanita, warganegara tempatan, Nurlini binti Suhaimi, berumur 33 tahun dan tidak bekerja.

Kes itu disiasat di bawah Seksyen 146 Perintah Eksais 2006.

PPDB pada kesempatan ini ingin menegaskan akan larangan tersebut kerana ia menjurus kepada kemaslahatan orang awam kerana jika ia diingkari, maka boleh mengundang bahaya kepada bukan sahaja mereka yang bermain, tetapi juga kepada orang lain kerana api dihasilkan daripada bahan bunga api boleh mendatangkan kecederaan kepada tubuh badan, kerosakan kepada harta benda dan kebakaran.



BEBERAPA jenis mercun yang berjaya dirampas oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (kiri dan kanan).

# Sukan

## INFO SUKAN

KURSUS Kemahiran Asas Tenpin Boling anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selama tiga hari bermula 24 April 2019 bertujuan untuk meningkatkan keyakinan guru-guru dalam memberikan bimbingan dan latihan kepada para pelajar bagi sukan Tenpin Boling.



ePaper Pelita Brunei



## Melestari pencak silat supaya tidak luput keasliannya

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Jabatan Penerangan

**P**ENCAK silat merupakan seni budaya warisan orang Brunei yang masih terus terpelihara sehingga kini dan mendapat perhatian oleh segenap lapisan masyarakat. Warisan ini diturunkan kepada generasi belia, supaya tidak luput dan tidak dicuainya serta diubah seni keasliannya. Apabila kita tinjau prestasi para atlet pencak silat yang menyertai kejohanan-kejohanan di luar negara sering

mencapai kejayaan yang cemerlang, seperti di Sukan Asia Tenggara (SEA Games) dan sebagainya.

Sehubungan itu, Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) ditubuhkan lebih tiga dekad yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Brunei Darussalam pada 30 Disember 1986 dan berdaftar dengan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) pada 25 Ogos 1988 serta merupakan Ahli 4 Negara Pendi bersama-sama dengan Republik Indonesia (IPSI), Negara Malaysia (PESAKA) dan Republik Singapura (PERSISI).

PERSIB ditubuhkan untuk menyatupadukan dan mengeratkan hubungan semua badan silat, mahupun di dalam dan luar negeri, di samping meningkatkan, memajukan dan membangun serta mengembangkan seni silat ke peringkat antarabangsa.

Selain itu, ia bertindak sebagai badan yang memperjuangkan seni silat, perunding, penyelaras dan penasihat dalam hal ehwal seni persilatan, di samping memelihara, mempertahankan dan

mengembangkan seni silat sebagai seni budaya warisan orang Brunei yang mengekalkan keperibadian yang halus dan berdisiplin tinggi dalam membentuk jasmani yang kuat dan jiwa satria yang

berbudi luhur.

Di samping itu, ia juga dihasratkan akan dapat menghasilkan atau menyatukan semua badan seni silat untuk bekerjasama dan melaksanakan tujuan dan hasrat serta mematuhi peraturan - peraturan PERSIB.

## Tahukah Awda

**K**EMENTERIAN Kesihatan telah melancarkan Program Kesihatan Kebangsaan atau National Health Screening Program yang bertujuan untuk mengesan dan mencegah penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis dan kolesterol tinggi, agar rawatan dapat diberikan di peringkat awal dan lebih berkesan.

Orang ramai yang berminat dan memenuhi syarat, boleh mendaftar untuk menyertai program ini melalui salah satu daripada tiga cara berikut :

1) Mengisi borang penyertaan di kaunter resepsi di mana-mana pusat kesihatan di negara ini. Borang yang sudah diisi hendaklah dikembalikan ke dalam Peti Pelanggan Kementerian Kesihatan yang telah disediakan

2) Memuat turun borang penyertaan daripada laman sesawang program ini iaitu [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn) dan menghantar borang yang telah lengkap diisi melalui e-mel ke [health.screening@moh.gov.bn](mailto:health.screening@moh.gov.bn); atau

3) Mendaftar secara online melalui laman sesawang [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn) menggunakan akaun e-Darussalam jika ada.

SUMBER : Pelita Brunei, edisi Rabu, 10 April 2019.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

' LIPATGANDAKAN AMAL IBADAT DENGAN MEMBACA AL-QURAN '

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam